


Jilid I  
Bil. 32



Hari Khamis  
19hb Julai, 1979

**PENYATA RASMI PARLIMEN**  
PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN NEGARA  
*SENATE*

PARLIMEN KELIMA  
*Fifth Parliament*

PENGGAL PERTAMA  
*First Session*

**KANDUNGANNYA**

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**  
[Ruangan 3149]

**USUL:**

Waktu Mesyuarat dan Urusan yang dibebaskan daripada Peraturan  
Mesyuarat dan Penangguhan [Ruangan 3178]

**RANG UNDANG-UNDANG:**

Rang Undang-undang Saraan Hakim (Pindaan) (No. 2) [Ruangan 3179]

Rang Undang-undang Suruhanjaya-suruhanjaya Perkhidmatan (Pindaan)  
[Ruangan 3203]

Rang Undang-undang Suruhanjaya Pilihanraya (Pindaan) [Ruangan  
3213]

MALAYSIA

## PARLIMEN KELIMA—DEWAN NEGARA

*Penyata Rasmi Parlimen*

### PENGGAL YANG PERTAMA

#### AHLI-AHLI DEWAN NEGARA

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TUN DATO HAJI OMAR YOKE-LIN ONG, S.S.M., P.M.N., S.P.M.S., D.P.M.S. (Dilantik).
- ” Menteri Tak Berpotfolio, DATO HAJI MOHAMED BIN NASIR, S.P.M.K., J.M.N., J.P. (Kelantan).
- ” Menteri Tak Berpotfolio, PENGIRAN OTHMAN BIN HAJI PENGIRAN RAUF (Sabah).
- ” Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK S. O. K. UBAIDULLA, P.S.M., D.P.M.S., J.M.N. (Dilantik).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING (Dilantik).
- ” JENERAL TAN SRI HAJI ABDUL HAMID BIN BIDIN, P.S.M., S.P.M.K., D.I.M.P., J.M.N., P.M.P., P.P.T., P.J.K. (Dilantik).
- ” TUAN HAJI ABDUL LATIP BIN HAJI IDRIS (Dilantik).
- ” TUAN ABDUL RAZAK BIN ABU SAMAH (Dilantik).
- ” TAN SRI DATUK HAJI ABDUL RAZAK BIN HAJI HUSAIN, P.S.M., D.S.W., J.S.M., S.M.P. (Dilantik).
- ” TUAN ABDULLAH BIN SALLEH (Perlis).
- ” TUAN V. V. ABOO, J.S.M., A.M.N., J.P. (Dilantik).
- ” DATUK HAJI ABU BAKAR TITINGAN BIN DAMSANI, S.P.D.K., P.G.D.K., A.D.K., A.M.N. (Dilantik).
- ” DATUK HAJI AHMAD BIN ARSHAD, D.P.M.J., A.M.N., S.M.J. (Johor).
- ” DATUK HAJI AHMAD BIN HAJI ITHNIN (Dilantik).
- ” TUAN ALEXANDER Y. L. LEE (Dilantik).
- ” TUAN HAJI ARIFFIN BIN HAJI SALLEH K.M.N., S.M.K. (Dilantik).
- ” TUAN HAJI AZLAN KINJAWAN (Dilantik).
- ” DATUK CHONG FOO KHIN, D.S.K.D., K.M.N., P.J.K., P.P.T., J.P. (Negeri Sembilan).
- ” DATUK CHOO CHING HWA, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K., P.P.N., J.P. (Dilantik).
- ” DR CHOO KOOI FOOK (Dilantik).
- ” TUAN CHUA CHING CHENG, P.J.K., J.P. (Melaka).
- ” DATUK CHUA SONG LIM, S.P.M.J., S.S.I.J., J.M.N., P.I.S., J.P. (Johor).
- ” PUAN DASIMAH DASIR, A.M.N., J.P., P.K.T. (Dilantik).
- ” TUAN HAJI FADZIL BIN AHMAD (Kedah).

Yang Berhormat PUAN HAJAH FATIMAH BINTI HAJI SALIM, A.M.N., P.I.S. (Dilantik).

- ” TUAN T. S. GABRIEL (Dilantik).
- ” DATUK SERI HAJI HUSSEIN BIN MOHD. NOORDIN, S.P.M.P., D.P.M.P., J.M.N., P.J.K., J.P. (Dilantik).
- ” TUAN IBRAHIM BIN ABDULLAH, A.M.N., A.M.P., P.J.K., J.P. (Perak).
- ” DATO HAJI IBRAHIM BIN HAJI YAACOB, D.P.M.S., J.S.M., P.J.K., J.P. (Dilantik).
- ” TUAN ISMAIL BIN HASHIM, K.M.N., A.M.N., P.B.M., J.P. (Melaka).
- ” TUAN ISMAIL BIN SHEIKH IBRAHIM, P.P.N. (Perlis).
- ” TUAN JOSEPH UNTING ANAK UMANG, P.B.S. (Sarawak).
- ” TUAN KAM WOON WAH, J.P. (Dilantik).
- ” TUAN KAMARUL ARIFFIN BIN MOHAMED YASSIN (Dilantik).
- ” TUAN HAJI KHALID BIN HAJI ABDULLAH, K.M.N., S.D.K., J.P. (Dilantik).
- ” TAN SRI LEE BOON CHIM, P.S.M., S.M.S. (Dilantik).
- ” TAN SRI DATUK LEE LOY SENG, P.S.M., D.P.M.P., J.P. (Perak).
- ” TUAN M. MAHALINGAM, J.P. (Dilantik).
- ” DATIN HAJAH MAHIMON BINTI HAJI HARUN, S.M.P., A.M.N., J.P. (Pahang).
- ” TUAN HAJI MAHMOUD *alias* MAHMOUD SALIM BIN HAJI MOHAMAD, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Trengganu).
- ” TUAN MICHEAL WONG KUAN LEE (Dilantik).
- ” TUAN HAJI MOHD. AMIN BIN HAJI YAAKUB, P.M.K. (Kelantan).
- ” TAN SRI HAJI MOHD. GHAZALI BIN HAJI JAWI, P.M.N., S.P.C.M., P.N.B.S., S.P.D.K. (Dilantik).
- ” DATUK MOHD. TAHIR BIN ABDUL MAJID, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N., P.J.K. (Dilantik).
- ” DATO HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Dilantik).
- ” TUAN HAJI NORDIN BIN PESAH, A.M.N., J.P., P.J.K. (Negeri Sembilan).
- ” TUAN OH SIEW AUN, J.P. (Pulau Pinang).
- ” DATO HAJI OTHMAN BIN HAJI ABDULLAH, D.P.M.J., P.C.M. (Dilantik).
- ” TOK PANGKU PANDAK HAMID BIN PUTEH JALI, P.J.K. (Dilantik).
- ” DATO PHUA CHENG LEONG, J.P. (Pahang).
- ” DATUK V. PONNUSAMY PILLAI, D.P.M.P., K.M.N., P.M.P., P.J.K., J.P. (Dilantik).
- ” RAJA DATUK NONG CHIK BIN RAJA ISHAK, D.P.M.S., J.S.M., S.M.S., P.J.K. (Selangor).
- ” PUAN RAHMAH BINTI OTHMAN (Dilantik).
- ” TUAN S. I. RAJAH (Dilantik).
- ” PUAN HAJAH SALMAH BINTI SHEIKH HUSSAIN, A.M.N., P.K.T. (Dilantik).
- ” TUAN HAJI SAMAD BIN SAID (Dilantik).
- ” TAN SRI DATUK DR C. SINNADURAI, P.S.M., P.S.D., P.N.B.S., D.P.M.P., J.M.N., C.M.B., P.J.K. (Dilantik).

Yang Berhormat TUAN S. SUBRAMANIAM (Dilantik).

- „ DATO SULAIMAN NINAM SHAH (Dilantik).
- „ DATUK SYED HASSAN AIDID, D.P.M.N., J.M.N., P.J.K., J.P. (Pulau Pinang).
- „ TUAN TING MING HIA *alias* TING MING HOI (Sarawak).
- „ PUAN HAJJAH TOM SAODAH BINTI HAJI OTHMAN, A.M.N., P.P.N. (Kedah).
- „ DATUK DR WEE KHOON HOCK, D.P.M.K., A.K., Datuk Kaya Pati (Dilantik).
- „ TUAN WONG KIE NAI (Dilantik).
- „ TUAN YAP PENG *alias* YAP PIAN TAU (Selangor).
- „ TAN SRI DATUK YEH PAO TZU, P.S.M., P.G.D.K., A.M.N. (Sabah).
- „ PUAN ZAWIAH BINTI ABDULLAH, P.J.K., P.P.N. (Trengganu).

## DEWAN NEGARA

### PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Negara: Haji A. Hasmuni bin Haji Hussein.

Timbalan Setiausaha: Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

### BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P. B. Menon.

Penolong Penyunting: Osman bin Sidik.

#### *Pemberita-pemberita:*

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Ng Chong Kin.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Kalsom binti Ghazali.

### BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Shariff bin Md. Saad.

## MALAYSIA

## DEWAN NEGARA

---

Khamis, 19hb Julai, 1979

---

*Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang*

## DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan*  
*Mesyuarat*)

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT  
BAGI PERTANYAAN-  
PERTANYAAN

**PERNAS—BUMIPUTRA DALAM  
PERNIAGAAN DAN SAHAM**

1. **Datuk Syed Hassan Aidid** minta Perdana Menteri menyatakan setakat mana PERNAS telah berjaya melibatkan bumiputra dalam kegiatan perniagaannya, dan bila Kerajaan akan menjualkan saham-saham PERNAS itu kepada bumiputra.

**Timbalan Perdana Menteri (Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad):** Tuan Yang di-Pertua, PERNAS sejak ia ditubuhkan kira-kira 10 tahun yang lampau telah berjaya menghasilkan penyertaan kaum bumiputra dalam lapangan perdagangan dan perindustrian menerusi syarikat induk, anak-anak syarikat dan syarikat-syarikat sekutunya.

Dalam hal ini, PERNAS merupakan nadi penggerak bagi meninggikan lagi penyertaan kaum bumiputra dari segi memberi peluang-peluang pekerjaan dan juga yang lebih penting lagi membangunkan kumpulan kakitangan-kakitangan pengurusan di bidang eksekutif dan profesyenal di kalangan kaum bumiputra. Pada penghujung bulan Mei 1979 jumlah bilangan kaum bumiputra bekerja dalam syarikat-syarikat Kumpulan PERNAS berjumlah 7,269 orang. Dari jumlah ini sebanyak 752 orang adalah dari golongan eksekutif dan profesyenal.

Sebagai "spin-off benefit", PERNAS, menerusi aktiviti-aktivitinya telah juga dapat membimbing pengusaha-pengusaha dan

syarikat-syarikat kaum bumiputra. Dalam bidang pembinaan, PERNAS menerusi PERNAS Construction telah dapat membantu dan membimbing pemborong-pemborong kaum bumiputra menerusi kerja-kerja kontrak yang telah diberikan oleh PERNAS Construction.

PERNAS Trading juga telah dapat membantu pemborong-pemborong kaum bumiputra dari segi pembekalan bahan-bahan binaan. Dalam bidang perniagaan runcit pula, PERNAS Edar telah dapat membimbing dan memajukan peniaga-peniaga runcit kaum bumiputra. Beberapa buah syarikat bumiputra serta bumiputra perseorangan telah juga dapat melibatkan diri masing-masing dalam bidang insuran sebagai agen insuran. Usaha-usaha yang telah saya sebutkan di sini akan diperbesarkan lagi oleh PERNAS pada masa-masa yang akan datang.

Berkenaan dengan penjualan saham-saham PERNAS kepada bumiputra, perkara ini sebenarnya, adalah dalam pertimbangan Kerajaan pada masa ini untuk menentukan masa dan cara yang sesuai untuk melaksanakan tujuan tersebut.

**Datuk Haji Ahmad bin Arshad:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah didapati kelemahan-kelemahan dalam anak-anak syarikat yang di bawah PERNAS. Yang kedua, benarkah bahawa PERNAS telah diakui sebagai agency barang-barang yang diimport daripada negeri China.

**Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad:** Tuan Yang di-Pertua, semua syarikat dalam Malaysia bahkan dalam dunia ini mempunyai kelemahan-kelemahan. Jika Ahli Yang Berhormat menentukan kepada saya apakah jenis kelemahan dan syarikat yang mana maka dapatlah saya menjawab dengan lebih tepat lagi.

Berkenaan dengan menjadi agency kepada barang-barang daripada negeri China, ini juga telah diusahakan oleh pihak PERNAS tetapi dalam ini juga ada kelemahan-kelemahan.

**Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak:** Soalan tambahan. Tuan Yang di-Pertua, PERNAS macam mana Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri telah kata dan kita juga tahu iaitu ditubuhkan untuk menolong bumiputra dalam dunia perniagaan dan perusahaan sebelum bumiputra dapat memegang, membeli saham-saham daripada saham-saham yang ada dan juga menolong bumiputra dalam dunia perniagaan dan perusahaan. Apa yang dirungtukan oleh bumiputra iaitu apa yang dikerjakan atau diperniagakan oleh bumiputra ada setengah-setengahnya PERNAS pun buat juga. Ini terpaksa Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri menengokkan. Jadi bukan sahaja bumiputra bertanding dengan orang-orang lain yang telah berjaya tetapi bertanding dengan PERNAS yang didirikan oleh Kerajaan sendiri. Bolehkah pada hari yang akan datang jikalau bumiputra telah menjalankan perniagaannya maka PERNAS boleh menolong ataupun masuk campur dalam perniagaan serupa itu.

**Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad:** Tuan Yang di-Pertua, jawapannya agak sukar diberi dengan secara yang jelas tetapi memang benar bahawa PERNAS memasuki bidang-bidang perniagaan kadang-kadang seolah-olah bertanding dan bersaing dengan syarikat-syarikat bumiputra. Tetapi harus diingat juga penyertaan PERNAS ini walaupun sebagai bertanding kadang-kadang mendatangkan faedah secara tidak langsung kepada syarikat bumiputra. Ada satu kes kontrek yang besar umpamanya yang mana PERNAS telah masuk bertanding dan menang dan kontrek itu telah diberi kepada syarikat PERNAS dengan satu syarikat lain, malangnya kontrek itu mengalami kerugian yang besar kerana inflasi. Kalaupun kontrek ini terdapat kepada bumiputra mungkin bumiputra yang dapat itu hari ini sudah bankrupt. Tetapi oleh kerana PERNAS ini mempunyai bantuan yang kuat daripada Kerajaan jadi dianya dapat hidup sehingga sekarang ini.

Tujuan Kerajaan ialah supaya PERNAS memasuki bidang-bidang yang bumiputra tidak mungkin memasuki dan setengah-tengah bidang yang mana diragu sama ada penyertaan bumiputra akan mendatangkan keuntungan ataupun tidak. Kalau PERNAS memasuki bidang-bidang yang meragukan ini dan juga yang mana tiada bumiputra yang boleh menyertainya, ada kemungkinan syarikat PERNAS ini akhirnya akan mencapai kejayaan kerana ianya mempunyai modal yang lebih besar dan setelah ianya mencapai kejayaan, maka pada ketika itu daripada kita mengedarkan saham-saham dalam syarikat PERNAS ini kepada bumiputra sama ada secara langsung ataupun melalui badan-badan yang ditubuhkan oleh Kerajaan seperti national equity corporation. Melalui badan seperti ini yang akan menubuhkan yunit trustnya, maka lebih ramai bumiputra dapat memasuki ataupun mendapat hasil daripada perniagaannya itu berbanding dengan mungkin seorang dua sahaja yang akan dapat keuntungan jika kontrek atau perniagaan itu dimenangi atau disertai oleh seorang dua bumiputra sahaja.

## LEMBAGA PERANCANG KELUARGA NEGARA

**2. Tuan Haji Mohd. Amin bin Haji Yaakub** meminta Perdana Menteri menyatakan sama ada benar Kerajaan atau Lembaga Perancang Keluarga Negara tidak dapat mengawal penyalahgunaan pil-pil perancang keluarga. Jika ya, mengapa tidak diharamkan pengedarannya di negara ini.

**Menteri Tak Berpotfolio (Dato' Haji Mohamad bin Nasir):** Tuan Yang di-Pertua, sukalah saya menjawab soalan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat itu iaitu tidaklah benar pil-pil perancang keluarga tidak terkawal pengedarannya dan telah disalahgunakan. Pil-pil perancang keluarga hanya boleh diperolehi dari doktor persendirian dan kedai-kedai farmasi dengan menunjukkan surat akuan doktor (Doctor's Prescription) seperti yang dikehendaki oleh Ordinan Racun 1952. Walaupun begitu, ada kemungkinan pil-pil ini didapati dari kedai-kedai ubat dengan secara sulit sebagaimana juga dadah-dadah terkawal yang lain. Setakat ini Kerajaan tidak bercadang mengharamkan pengedaran pil-pil tersebut sebaliknya Kerajaan sentiasa mengawasi penggunaan dan pengedarannya dari masa ke

semasa. Pengguna-pengguna sentiasa diingatkan atas masalah-masalah yang akan dihadapi sekiranya pil-pil ini digunakan tanpa nasihat dan pengawasan pegawai dan kakitangan terlatih.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana perkara ini ada hubungannya dan ada kaitannya dengan Rancangan Keluarga yang dijalankan oleh Kerajaan sukaiah saya menjelaskan lebih lanjut sedikit mengenai soalan ini supaya tidak dikelirukan hal ini kepada isu-isu yang boleh mengelirukan fikiran orang ramai.

Tuan Yang di-Pertua, Quran ada memberi satu garis panduan hidup kepada manusia, iaitu a life of two balancing powers, satu penghidupan yang dikatakan, "Ummatan wasathan-litaku-nu syuhada-alanas". Ertinya, ummat yang pertengahan atau balanced nation yang dimaksudkan oleh Al-Quran itu. Apakah balancing nation yang disebutkan oleh Quran itu? Iaitu terdapat dalam Al-Quran, "Wayum di-nikum biam walin wabanin". Tuhan memudahkan kamu dengan pertumbuhan ekonomi dan pertumbuhan generation. Jadi di atas dua balancing nation inilah rancangan keluarga diasaskan dengan tujuan mengwujudkan negara yang berseimbangan di antara pembangunan atau the growth of economy dan bilangan rakyat bagi negara Malaysia, ini sesuai pula dengan dasar Kerajaan negara kita, iaitu mengimbangkan penghidupan rakyat dalam negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, usaha ini bukanlah membunuh anak, not at all, jangan dikelirukan perancang keluarga ini. Membunuh anak dilarang oleh Allah. Ini ada dinyatakan dalam Quran dan agama-agama lain dalam dunia dan undang-undang secular pun membunuh orang tidak boleh. Tetapi tujuannya ialah kita regulate the function of nature. Ertinya, dalam perancang keluarga ini kita menentukan dan mengarahkan perjalanan nature oleh sebab itu ini tidak salah di segi agama. Untuk bagi sesuatu keadaan yang diperlukan oleh sesuatu negara pada sesuatu masa, not always, macam satu masa di France sekarang dia tidak mengadakan perancang keluarga tetapi selepas perang dunia digalakkan perancang keluarga di negeri Perancis kerana kekurangan orang lelaki. Jadi ini yang saya katakan berkehendakkan kepada keadaan yang wujud pada satu-satu

masa dan pada satu-satu zaman. Sebagaimana firman Tuhan dalam Quran, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, "Innallaha layughaiyiruma biqaumin hatta yughaiyiruma bianfusihim". Ertinya, Tuhan tidak mengubah nasib atau keadaan sesuatu kaum melainkan kaum itu sendiri regulate atau mengubah nasibnya sendiri pada keadaan yang hina kepada yang baik, yang miskin kepada yang kaya, yang kurang pelajaran kepada yang lebih berpelajaran yang kurang anak kepada banyak anak atau banyak anak kepada kurang anak ini semua keadaan-keadaan yang boleh mengubah nasib itu terpulanglah kepada manusia.

Satu contoh, Tuan Yang di-Pertua, harus dan ini wajib bagaimana kita hendak regulate the work of nature dalam satu ayat, "Waanzala minassama-i ma-an faakhrojabihi minasthamaro-ti rizqanlakum." Tuhan turunkan air hujan dari langit maka dengan air hujan itulah dikeluarkan bijian-bijian seperti padi, jagung dan sebagainya, "rizqanlakum" itulah makanan dan rezki bagi kaum. Jadi bagaimana kita hendak regulate dan hendak memenuhi hasrat ayat ini iaitu Kerajaan negara kita telah menjalankan dua projek yang besar di negara ini iaitu projek KADA dan MADA untuk dibedung air dalam satu catchment area kemudian perjalanan air itu diregulate kepada channel supaya dibekalkan air-air itu pergi ke bendang-bendang padi. Inilah yang saya maksudkan regulate the work of nature, the function of nature.

Akhirnya, untuk menguatkan hujah saya, saya kemukakan ada satu hadis sahabat Nabi, Jabir radiallahuanhu—saya terangkan maksud Hadis itu—pernah mengatakan: kita pernah melakukan azal. Azal ertinya birth control ataupun merancang keluarga. Pada masa Nabi Muhammad masa itu Quran masih diturunkan. The revelation of Quran was still being made.

Yang kedua, Hadzrat Jabir juga mengatakan kita pernah melakukan azal (birth control) pada zaman hidup Nabi Muhammad (s.a.w.) tetapi beliau menyetujui perbuatan ini. Nabi tahu, Nabi lihat dan orang memberitahu kepada beliau tetapi beliau tidak menahan kita daripada melakukan demikian, kata Jabir. Sekiranya perbuatan itu termasuk dalam larangan tentulah pada masa itu Tuhan turunkan tegahan itu di dalam Al-Quran ataupun Nabi sendiri menegah perbuatan itu. Jadi perkara ini atau berita

ini atau hadis ini terdapat di dalam riwayat hadis Bukhari dan Muslim iaitu dua kitab hadis yang termasyhur dan sahih di dalam pandangan Islam.

Saya kemukakan perkara ini supaya tidak lagi dikelirukan oleh orang bahawa perancangan keluarga itu ada tujuan yang baik dan kalau dengan niat hendak membunuh manusia, membunuh anak, itu adalah haram mutlak.

**Tuan Haji Mohd. Amin bin Haji Yaakub:** Saya suka hendak dapat jawapan yang terang daripada Yang Berhormat Menteri berkenaan, pertama tidakkah pil perancang keluarga itu kesannya untuk mematikan benih zuriat dalam rahim perempuan? Kalau untuk mematikan zuriat ataupun benih dalam rahim perempuan, apa pendapat dan sudahkah diminta fatwa?

Soalan yang ketiga, Tuan Yang di-Pertua, saya suka mendapat jawapan yang tegas berhubung dengan penjelasan Yang Berhormat Menteri bahawa bersabit dengan sepotong ayat Quran yang menyatakan bahawa Tuhan menurunkan air daripada langit untuk menumbuhkan tumbuh-tumbuhan dan berkait pula dengan Rancangan KADA, MADA dan sebagainya. Ini juga menunjukkan bahawa perancang keluarga tidak perlu sangat dilaksanakan sebab kita boleh menambah bahan makanan keperluan hidup manusia di atas muka bumi ini. Kenapa kita perlu merancang keluarga sehingga mengurangkan zuriat dan mengurangkan tenaga pekerja bagi industri-industri kita pada masa hadapan dan sekarang ini pun, Tuan Yang di-Pertua, dalam kawasan Rancangan KADA sudah menghadapi kekurangan tenaga manusia untuk mengerjakan bendang kita. Sekian untuk dapat penjelasan.

**Dato' Haji Mohamed bin Nasir:** Tuan Yang di-Pertua, pil ini bukan mempunyai kesan membunuh sperm yang ada dalam rahim itu. Dianya ialah kerana menahan supaya ibu jangan jadi hamil. Yang kedua, sperm tidak dinamakan manusia, dia masih lagi sperm, sebagaimana kita boleh makan telur penyu, walaupun penyu itu haram tetapi oleh kerana telur itu masih sperm ianya halal dimakan kerana dia bukan lagi benda hidup. Hidup dari segi science of minute things, tetapi dalam segi benda besar

tidak dinamakan benda itu hidup lagi, iaitu telur penyu itu boleh dimakan, halal dimakan.

Soalan kedua oleh kerana sudah ada keterangan hadis yang tidak melarang yang dinamakan azal yang pada ketika itu mungkin orang pakai akar kayu, mungkin pakai cara-cara lain mengikut kaedah Arab pada masa itu tetapi azal itu adalah birth control. Jadi soalnya method, cara ataupun peraturan atau method di zaman moden ini menggunakan pil-pil. Tetapi pil ini penggunaannya dinasihatkan oleh doktor sekiranya ibu itu sudah hamil, tidak boleh digunakan pil ini, mendatangkan mudarat kepada tubuh badan ibu.

Yang kedua mengenai ayat yang saya baca: wa-an'zala min'assama-i-ma-an fa-akhiraja bihi min'asthamarati rizqal-lakum. Yang menjadi persoalan ialah ayat yang akhir an'zala min'assama-i . . . rizqal-lakum. Turun hujan rezeki bagi kamu. Ini dua masalah. Jadi untuk mencari makanan dari segi wajib, wajib kita mencari makan untuk menghidupkan diri kita. Jadi oleh kerana Kerajaan memberi makanan secara meluas untuk mengeluarkan makanan yang cukup kepada negara ini, itulah sebabnya Kerajaan menjalankan projek atau mengadakan projek taliair untuk mengeluarkan makanan dengan sebanyak-banyaknya.

Ini telah dikaji oleh pakar-pakar ekonomi walaupun kita ada dua projek taliair dalam negara kita ini, masih lagi tidak cukup. Kita masih lagi dependent atas beras-beras dari negeri-negeri lain. Jadi buat sementara ini kita hendak balancekan di antara bilangan population dalam negeri ini sebagaimana ayat yang saya baca: "A life of balancing nation". Wa-yum didikum bi-amwalin wabanin. Jadi kedua-dua ayat ini tidak bercanggah. Tidak ada satu ayat dalam Quran yang bercanggah, hanya orang yang tidak faham sahaja yang mengatakan bercanggah. Jadi kedua-dua ayat kalau kita kaji dari segi falsafah Al-Quran satu ayat pun tidak bercanggah.

**Datuk Haji Ahmad bin Arshad:** Tuan Yang di-Pertua, soalan saya ini lain sedikit tetapi ada kaitan dengan Yang Berhormat Menteri yang berkenaan sewaktu menjawab soalan tadi. Saya tidak berhajat hendak membawa ayat Quran dan hadis, cuma saya

hendak kata bolehkah atau tidak Kerajaan sebagaimana kata Yang Berhormat tadi satu-satu masa, satu-satu zaman iaitu menimbangankan supaya digantungkan perancangan keluarga ini sementara waktu bagi mendapatkan ramai rakyat Malaysia dan ramai pula wanita-wanita ini sebagaimana yang terjadi di negeri Peranchis.

**Dato' Haji Mohamed bin Nasir:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak faham maksud "digantung rancangan keluarga".

**Datuk Haji Ahmad bin Arshad:** Maksud "digantungkan" bahawa perancang keluarga dari sejak disetujui dengan keadaan masa dan suasana itu tidak dijalankan lagi sampai ketika manusia telah ramai, tenaga buruh telah banyak barulah dijalankan semula. Itu maksud "digantungkan".

**Dato' Haji Mohamed bin Nasir:** Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana Kerajaan telah dapat pandangan daripada pakar-pakar ekonomi dan sebagainya, itulah sebab dijalankan rancangan keluarga ini. Tetapi tidak begitu serius apa yang dijalankan sekarang kerana setengah orang mengambil dan setengahnya tidak ambil, tidak begitu serius.

**Puan Hajjah Salmah binti Sheikh Hussain:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak akan menyoal yang panjang, cuma sedikit sahaja. Saya ingin tahu dari Yang Berhormat Menteri, bolehkah kita balance ayat Quran atau hadis yang kuat dengan keadaan masa kemajuan negara?

**Dato' Haji Mohamed bin Nasir:** Tuan Yang di-Pertua, saya rasa Ahli Yang Berhormat itu tidak mengerti apakah Quran. Quran telah diturunkan oleh Tuhan, cuma apa yang berlaku dalam dunia ini sesuai dengan Quran itu sehingga hari kiamat. There is no more revelation of Quran (*Tepuk*).

**Puan Hajjah Salmah binti Sheikh Hussain:** Kalau saya hendak membuat soalan, tidaklah pula saya mahu menerima soal tidak mengerti ayat Quran kerana apa yang dibuat soalan tambahan dan penjelasan dari Yang Berhormat Menteri tadi kita telah sama-sama mendapati ayat-ayat yang diterjemahkan itu adalah jauh kaitannya dengan soal perancang keluarga. Sebab itu saya

tanya adakah boleh dibalancenkan kerana kita juga tidak mahu mengelirukan rakyat yang ramai dalam masalah ini. Bukanlah soal tidak mengerti, tetapi saya tidak menerima soalan itu. Saya bertanya adakah balance itu kerana ada pendapat daripada hadis yang kuat bahawa soal ini iaitu pil perancang itu walaupun kita pusing bagaimana sekalipun tetapi dasar pil perancang itu adalah tujuannya satu sahaja, tidak boleh dibeza-bezakan kepada yang lain. Inilah saya bertanya adakah Yang Berhormat Menteri itu dapat memberi jawapan yang tegas pil perancang itu tidak tujuan asalnya kepada membunuh anak.

**Dato' Haji Mohamed bin Nasir:** Tuan Yang di-Pertua, memang tujuan Perancang keluarga bukan untuk membunuh anak sebagaimana yang saya terangkan tadi. Kalau tujuannya membunuh anak, haram sama sekali bukan sahaja mengikut Ugama Islam tetapi juga ugama-ugama yang lain.

### KEBAKARAN RUMAH-RUMAH

**3. Tuan Haji Mahmud Salim bin Haji Mohamad** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan bilangan kebakaran rumah-rumah di seluruh negara dalam enam bulan pertama tahun ini, kerugian yang ditafsirkan serta bilangan orang yang terkorban kerana kebakaran-kebakaran tersebut.

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato' S. Samy Vellu):** Tuan Yang di-Pertua, nampaknya soalan Ahli Yang Berhormat itu tidak begitu jelas. Saya anggap rumah-rumah yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat adalah rumah-rumah kediaman sahaja, dan jika demikian maka bilangan kebakaran yang berlaku ke atas rumah-rumah itu di seluruh negara dalam tempoh enam bulan pertama tahun ini ialah 164 kebakaran, kerugian yang ditafsirkan berjumlah \$1,463,541 dan bilangan orang yang terkorban kerana kebakaran tersebut adalah 5 orang.

**Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Banyak kebakaran berlaku di negara ini dan dalam kebakaran seperti berlaku di Campbell Complex itu, Fire Brigade tidak dapat buat apa-apa. Sungguhpun kita beri gaji dan

segala-gala peruntukan untuk membeli perkakas-perkakas untuk Fire Brigade tetapi satu bangunan yang begitu tinggi di Kuala Lumpur, yang begitu elok dan molek tidak dapat diselamatkan oleh Fire Brigade bila kebakaran berlaku. Boleh atau tidak Kementerian Yang Berhormat dapat membeli barang-barang yang baharu untuk mencegah kebakaran seperti itu?

**Dato' S. Samy Vellu:** Tuan Yang di-Pertua, kita mendapat pengalaman dan ajaran daripada kejadian di Campbell Complex itu dan selepas itu kita dapat lebih keterangan atas perkara-perkara untuk mencegah kebakaran di bangunan yang tinggi. Selepas daripada itu di seluruh negara kita gunakan undang-undang baharu dan juga kita siasat bagaimanakah kita boleh ambil tindakan-tindakan yang sewajarnya untuk mencegah kebakaran.

Kementerian saya telah mengambil langkah-langkah yang mana Kerajaan Pusat telah membelanjakan lebih kurang \$30 juta untuk membaharui sistem bomba yang ada di seluruh negara kita sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, selepas kemerdekaan, 22 tahun dahulu Malaysia ialah negara yang pertama di Tenggara Asia yang telah membelanjakan lebih kurang \$30 juta untuk membaharui sistem yang lama yang telah wujud 50 tahun dahulu di dalam negara ini. Di dalam tempoh 4 tahun Kementerian saya dan juga Kerajaan kita telah mengadakan banyak sistem-sistem yang baharu tetapi kebakaran telah berlaku juga oleh sebab kita belum dapat memberi latihan kepada kesemua kakitangan yang kita ambil dalam Perkhidmatan Bomba sekarang. Saya harap perkara ini boleh selesai—bukanlah kita boleh menghapuskan kebakaran sama sekali di dalam negara ini, tetapi kita boleh ambil tindakan yang tegas untuk mengatasi perkara ini.

**Tuan Haji Mahmoud Salim bin Haji Mohamad:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya harap pihak Timbalan Menteri memberi penjelasan lagi. Apa yang dikatakan tadi ialah usaha Kerajaan mencegah kebakaran dengan mengadakan bomba-bomba dan sebagainya. Saya dengar dalam jawapan tadi dalam masa 6 bulan sahaja telah berlaku 164 kebakaran. Ini menunjukkan negara kita ini sentiasa berada di dalam

kebakaran. Dan dalam masa 6 bulan lima orang telah terkorban. Menurut berita yang saya baca orang yang terkorban ini ialah dengan sebab sistem lama rumah yang dibuat dan satu daripadanya ialah kebakaran itu berlaku di tangga. Rumah fesyen lama ada mempunyai satu tangga sahaja. Apakala kebakaran berlaku di tangga penghuni tidak boleh turun dan dia turut terbakar.

Yang kedua sekali, rumah tertutup.

Saya hendak bertanya kepada Timbalan Menteri yang berkenaan ini rumah-rumah fesyen baharu ada dibuat dengan syarat-syarat seumpamanya diadakan dua tangga, satu tangga kecemasan di belakang dan tangga biasa di hadapan. Kalau ada berlaku kebakaran bolehlah orang menggunakan mana-mana tangga tetapi rumah lama yang setingkat dua tingkat di Kuala Lumpur ini yang ada satu tangga sahaja. Kalau berlaku kebakaran dia hendak keluar macam mana? Terpaksa dia terjun, dia mati juga. Kalau dia ikut tangga itu, dia terbakar. Jadi dengan sebab itu, tidak adakah usaha Kerajaan khususnya pihak Kementerian yang berkenaan supaya mengadakan peraturan-peraturan baharu, undang-undang baharu supaya rumah-rumah lama pun dibuat dua tangga juga iaitu tangga kecemasan supaya memelihara nyawa. Adakah atau tidak dibuat begitu?

**Dato' S. Samy Vellu:** Tuan Yang di-Pertua, undang-undang bangunan yang ada sekarang ialah untuk menjaga bangunan-bangunan kecuali kediaman. Berkenaan dengan undang-undang bangunan kediaman kita adalah juga membuat satu dua pindaan untuk mengadakan bahan-bahan iaitu non-combustible building materials, itu sahaja. Fire escape dan lain-lain kita menentukan untuk bangunan-bangunan yang lain. Walau bagaimanapun Kementerian saya ada juga mengkaji untuk mengadakan satu sistem yang mana kita boleh menjaga kebakaran di masa depan.

#### PENGELUARAN SIMEN DI PADANG RENGAS

4. Tuan Ibrahim bin Abdullah minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan bilakah perusahaan membuat

simen di Padang Rengas akan dijalankan dan sama ada projek-projek lain akan juga dibuka di kawasan tersebut.

**Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Dato' Lew Sip Hon):** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, baru-baru ini Kementerian saya telah menerima satu permohonan untuk mendapatkan Lesen Pengilang bagi mengeluarkan simen Penganjur-penganjur mencadangkan tapak projek tersebut ditempatkan di kawasan Padang Rengas di Perak, dan permohonan tersebut sedang diproseskan oleh Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia.

Selain daripada projek di atas, Kementerian saya tiada menerima permohonan-permohonan lain untuk menubuhkan projek di Padang Rengas. Buat masa ini pihak Kerajaan tidak ada cadangan untuk memajukan sebuah estet perindustrian di Padang Rengas oleh kerana terdapat dua estet perindustrian yang berdekatan, iaitu estet perindustrian Kuala Kangsar yang hanya kira-kira 7 batu dan estet perindustrian Kamunting yang hanya kira-kira 12 batu daripada Padang Rengas. Kedua-dua estet perindustrian ini masih belum dipenuhi. Seboleh-bolehnya, projek-projek adalah digalakkan untuk ditempatkan di estet perindustrian kerana terdapat infrastruktur yang diperlukan untuk melaksanakan projek-projek dengan seberapa cepat.

**Tuan Ibrahim bin Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam tahun yang lalu Menteri yang berkenaan telah mengatakan Kerajaan akan dibuat projek perindustrian di Padang Rengas. Bagaimanapun saya rasa puas hati sebab industri berkenaan dengan simen akan dibuat di sana.

Saya suka juga memberitahu Dewan ini apabila disebut Padang Rengas, ianya tidak jauh dalam daerah Kuala Kangsar, enam batu sahaja daripada Kuala Kangsar. Dalam Kuala Kangsar ini sudahpun Kerajaan dulu memperakui membuat satu projek industri sejauh 9 batu kalau tidak silap saya. Ini telahpun disetujui oleh Penasihat Ekonomi Kerajaan kita. Saya sendiri telah berjumpa dengan Penasihat Ekonomi Kerajaan kita ini bersabit dengan perindustrian di Kuala Kangsar termasuk Padang Rengas dan dia

kata memang tidak ada halangan. Sekadar-kata dia pun hairan sampai hari ini masih lagi tidak dapat buat sehingga satu industri kain pun di Kuala Kangsar. Pada hal kawasan 9 batu ini boleh dibuat beransur-ansur. Tetapi hingga sekarang tidak dibuat.

Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri akui Padang Rengas ini akan diadakan satu projek perindustrian dalam 5 tahun—Keempat ataupun Kelima?

Yang kedua, adakah industri di Kuala Kangsar ini akan lenyap walaupun Penasihat Ekonomi negara kita memperakui boleh dibuat, tetapi tidak dibuat?

**Dato' Lew Sip Hon:** Tuan Yang di-Pertua, seperti saya katakan tadi pada masa sekarang dekat Padang Rengas ada satu kawasan perindustrian iaitu di Kuala Kangsar, tetapi sampai masa inipun kawasan perindustrian di Kuala Kangsar cuma ada satu kilang sahaja iaitu kilang textile. Jadi kalau hendak ditubuhkan lagi satu kawasan perindustrian di Padang Rengas, ini mesti menunggu kemajuan yang dicapai di kawasan perindustrian di Kuala Kangsar.

Soalan yang kedua, saya tidak berapa faham, boleh diulangi sekali lagi?

**Tuan Ibrahim bin Abdullah:** Bilakah projek simen yang sebenarnya hendak dibuat, sebab kilang simen di Padang Rengas bukan sahaja boleh mengeluarkan simen tetapi ada pakar yang sudah menyiasat mengatakan boleh mengeluarkan batu marmar yang kaya dalam Malaysia.

**Dato' Lew Sip Hon:** Tuan Yang di-Pertua, projek simen ini baru diterima oleh Kementerian saya dan baru-baru ini dikaji dan saya rasa tidak lama lagi kelulusan boleh diberi, tetapi pada masa sekarang ada masalah mengenai cadangan equity dan sebagainya. Saya rasa apabila kelulusan diberikan oleh Kementerian saya, barulah kilang ini boleh dijalankan.

#### JALAN KINABALU-JALAN KUCHING

**5. Tuan Haji Fadzil bin Ahmad (di bawah S.O. 23 (2))** minta Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan sama ada beliau sedar bahawa jalan-jalannya sekarang terutamanya yang baru dibina

seperti Federal Highway di Jalan Kinabalu—Jalan Kuching tidak ada kemudahan langsung untuk berhenti bagi kereta-kereta rosak yang dapat kemalangan yang mengakibatkan “traffic jam” apabila berlaku sesuatu kemalangan ataupun bila kereta rosak; jika sedar apakah tindakan beliau akan ambil untuk memperbaiki keadaan ini.

**Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam (Dato' Lee San Choon):** Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab pertanyaan Yang Berhormat Datuk Haji Abu Bakar Titingan bin Damsani adalah dimaklumkan tidak tepat jika dikatakan tidak ada kemudahan langsung untuk berhenti di tepi Jalan Kinabalu-Jalan Kuching bagi kereta-kereta rosak yang dapat kemalangan kerana ada “side-tables” di sepanjang jalan itu untuk kegunaan sekiranya berlaku kecemasan seperti kerosakan kereta. Kesesakan Lalulintas selalu terjadi kerana kereta yang rosak atau mereka yang dapat kemalangan biasanya enggan meletakkan kereta ke tepi jalan.

#### KES RASUAH KE MAHKAMAH

**6. Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak** minta Menteri Undang-undang menyatakan bilangan kes rasuah yang dihadapkan ke mahkamah dari kalangan anggota-anggota dan kakitangan Kerajaan dalam tahun 1977 dan 1978.

**Timbalan Menteri Undang-undang (Dato' Abdullah bin Abdul Rahman):** Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab pertanyaan Ahli Yang Berhormat itu, bilangan kes-kes rasuah yang dihadapkan ke mahkamah dari kalangan anggota dan kakitangan Kerajaan dalam tahun 1977 ialah sejumlah 59 kes yang melibatkan 81 orang. Bagi tahun 1978 sejumlah 85 kes yang melibatkan 102 orang anggota-anggota dan kakitangan Kerajaan telah dihadapkan ke mahkamah.

**Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengatakan iaitu kita hendakkan Kerajaan yang bersih dan juga Kerajaan yang tegas untuk mengambil tindakan berkenaan dengan rasuah. Jadi boleh atau tidak Kerajaan memeriksa tiap-tiap pegawai Kerajaan, sama ada pegawai Kerajaan yang di atas

atau pegawai Kerajaan yang mempunyai kuasa katakan power corrupts juga pegawai-pegawai Kerajaan yang mempunyai kuasa di bawah lagi, cuba kita tengok sama ada di Kuala Lumpur atau di seluruh tanahair kita. Misalnya setengah-setengah pegawai yang tidak patut membina mahligai (rumah) yang besar-besar, membina rumah macam mahligai, hartanya banyak, begitu juga misalnya tiap-tiap negeri ada EXCO Members, EXCO Members tiap-tiap negeri ini pun mesti diasasat oleh kerana . . . . .

**Dato' Abdullah bin Abdul Rahman:** Apa soalnya?

**Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak:** Soalnya kemudianlah, ini preamble dibanyakan sedikit supaya mengerti, kalau tidak—tidak mengerti. Misalnya EXCO Members pada masa dahulu apa pun tidak ada dengan tidak berniaga dan sebagainya, tiba-tiba kaya-raya, bukanlah maknanya kita dengki—tidak, tetapi Kerajaan telah memperkatakan tentang kejujuran, kebersihan, tegas dan sebagainya, dengan sebab itu sekarang rakyat berkehendakkan ketegasan yang betul-betul. Boleh atau tidak Kerajaan periksa betul-betul EXCO Members di seluruh negara, pegawai-pegawai Kerajaan supaya bersih seperti apa yang dikatakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri iaitu Kerajaan yang cukup bersih macam mana yang kita tengok Kerajaan Singapura, Lee Kuan Yew buat pada hari ini, boleh atau tidak dibuat begitu?

**Dato' Abdullah bin Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, soalan itu adakah dimaksudkan boleh diperiksa atau tidak?

**Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak:** Boleh diasasat atau tidak.

**Dato' Abdullah bin Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, kalau ada satu-satu tuduhan ataupun komplek dibuat ke BSN yang seseorang pegawai Kerajaan atau sesiapa juga menerima rasuah ataupun berasuah dan ada dasarnya dalam tuduhan seperti itu maka bolehlah BSN membuat pemeriksaan ataupun penyiasatan. Tetapi kalau tidak ada laporan maka tidaklah boleh BSN membuat penyiasatan.

**Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Ada dua macam jenis rasuah: satu rasuah senyap-senyap—senyap-senyap sahaja hulurkan, tidak ada komplek apa-apa oleh kerana dia dapat banyak—dia pun dapat banyak. Kerajaan tidak berbuat apa-apa, rasuah pun diam-diam sahaja kerana tidak ada komplek, itu rasuah senyap namanya; ada rasuah yang tidak senyap iaitu rasuah yang pakai surat, itu orang yang kena, jadi bolehkah Kerajaan pada masa akan datang sama ada rasuah senyap atau tidak senyap ini disiasat betul-betul, bolehkah dibuat begitu?

**Dato' Abdullah bin Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, menjawab soalan itu, baru-baru ini seperti Yang Berhormat mengetahui satu pindaan telah dibuat kepada Perlembagaan kita, jikalau ada seorang pegawai Kerajaan yang menghimpunkan sebegitu banyak harta yang boleh dikira sebagai terima daripada rasuah, maka tindakan bolehlah diambil oleh Kerajaan terhadap pegawai-pegawai seperti itu.

**Datuk Haji Ahmad bin Arshad:** Tuan Yang di-Pertua, . . . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Sudah, cukup.

#### SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN BATU—TAPAK TANAH

**7. Dato' Haji Ibrahim bin Haji Yaacob** minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan mengapa tanah yang mulanya telah diberikan kepada Sekolah Menengah Kebangsaan Kampung Batu, telah diberi pula kepada pihak swasta untuk mendirikan rumah-rumah untuk dijual.

**Dato' Haji Mohamed bin Nasir:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin menjawab soalan ini bagi pihak Yang Berhormat Menteri Wilayah Persekutuan.

Tanah yang dimaksudkan belum lagi diberikan kepada Sekolah Menengah Kebangsaan Kampung Batu, tetapi adalah tanah Kerajaan.

#### INSTITIUT KEMAHIRAN MARA MENGADAKAN KURSUS JAHITAN/ URUSAN RUMAHTANGGA

**8. Puan Hajjah Tom Saodah binti Haji Othman** minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan sama ada Kementerianya akan membuka lebih banyak instituti Kemahiran MARA untuk melatih pelajar-pelajar wanita kelulusan S.P.M. gred tiga dalam kursus-kursus jahitan, urusan rumahtangga dan lain-lain.

**Menteri Perusahaan Awam (Dato' Abdul Manan bin Othman):** Tuan Yang di-Pertua, sekarang ini MARA ada mempunyai sebuah Instituti Kemahiran MARA yang melatih seramai 115 wanita, 73 dalam bidang jahitan, 10 dalam bidang rekaan fesyen dan 32 dalam bidang solek hiasan rambut di Petaling Jaya. Kelayakan kemasukan ialah lulusan S.R.P. atau L.C.E. Usaha ke arah meluaskan lagi I.K.M. ini akan diberi perhatian dalam Rancangan Malaysia Keempat nanti.

Ingin saya memaklumkan bahawa kursus I.K.M. adalah terbuka kepada semua calon-calon bumiputra dengan beberapa syarat-syarat dan kelayakan tertentu dengan tidak mengira sama ada lelaki atau perempuan.

**Datuk Haji Ahmad bin Arshad:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah kementerian ini dapat memastikan wanita-wanita atau belia-belia yang lulus daripada Instituti Kemahiran MARA ini mereka dapat bekerja ataupun membuat perusahaan-perusahaan daripada latihan yang telah kita beri itu.

**Dato' Abdul Manan bin Othman:** Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan tidak dapat memastikan tiap-tiap orang yang lulus dari sekolah-sekolah latihan ini akan dapat pekerjaan tetapi mereka akan diberi latihan secukupnya untuk mereka mudah mencari kerja.

#### KAWALAN PERTUKARAN WANG

**9. Tuan Michael Wong Kuan Lee** minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada beliau akan menimbang melonggarkan lagi kawalan pertukaran wang supaya menjadikan Kuala Lumpur sebagai sebuah pusat kewangan dan juga perdagangan.

**Timbalan Menteri Kewangan (Datin Paduka Rafidah Aziz):** Tuan Yang di-Pertua, pada 1hb Jun, 1979, Kerajaan telah-pun meminda Peraturan-peraturan Kawalan Pertukaran Wang dengan tujuan untuk melonggarkan lagi peraturan-peraturan itu di samping menyesuaikan dengan keadaan masa ini. Pindaan-pindaan yang dimaksudkan itu ialah:

- (i) Memperkenalkan satu borang Kawalan Pertukaran Wang baru yang dipermudahkan bagi menggantikan borang-borang yang lama;
- (ii) Meninggikan lagi had pengecualian bagi mengisi borang pembayaran dari \$1,000 kepada \$5,000;
- (iii) Menarik balik kawalan ke atas pinjaman-pinjaman yang diperolehi dari luar negeri yang jumlahnya kurang daripada \$100,000;
- (iv) Mewakulkan kuasa kepada bank-bank perdagangan bagi memberi kelulusan pembayaran balik pinjaman serta faedahnya dari luar negeri; dan
- (v) Meninggikan lagi had yang boleh diluluskan oleh bank-bank untuk tujuan semua pembayaran dari \$1 juta kepada \$2 juta.

Pindaan-pindaan yang saya jelaskan sebentar tadi adalah merupakan rancangan pertama kajian semula untuk melonggarkan Peraturan-peraturan Kawalan Pertukaran Wang. Kerajaan akan melonggarkan lagi peraturan-peraturan itu secara berperingkat apabila kajian terhadap peraturan-peraturan itu telah selesai dibuat.

#### **PERBADANAN JAMINAN CREDIT (CGC)—PINJAMAN**

**10. Tuan Ismail bin Hashim** minta Menteri Kewangan menyatakan bilangan bank yang terdapat di Malaysia dan berapa banyakkah pinjaman yang telah diberikan sehingga akhir tahun 1978 kepada Bumiputra melalui CGC.

**Datin Paduka Rafidah Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, hingga setakat ini, terdapat 37 buah bank-bank perdagangan dan 12 buah bank-bank saudagar di Malaysia. Sehingga akhir tahun 1978, Perbadanan Jaminan

Credit (CGC) telah menjamin sebanyak 41,572 pinjaman yang bernilai \$243,300,000 kepada Bumiputra.

#### **TOL SLIM RIVER**

**11. Puan Hajjah Fatimah binti Haji Salim** minta Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan jumlah kutipan di Tol Slim River bagi tahun 1977 dan 1978 dan bilakah Kerajaan akan menghentikan kutipan tol ini.

**Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam (Dato' Lee San Choon):** Tuan Yang di-Pertua, adalah dimaklumkan bahawa jumlah kutipan di Tol Slim River bagi tahun 1977 ialah \$1.9 juta dan bagi tahun 1978 sejumlah \$2.2 juta. Kerajaan tidak bercadang untuk menghentikan kutipan tol ini.

#### **RUMAH MURAH KERAJAAN**

**12. Tuan T. S. Gabriel** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan sama ada Kementerian dapat menimbang untuk memberi keutamaan memiliki rumah murah Kerajaan kepada pemohon-pemohon yang telah memohon lebih daripada tiga kali.

**Dato' Haji Ramli bin Omar:** Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan Yang Berhormat Tuan T. S. Gabriel, saya ingin memaklumkan bahawa pembahagian rumah-rumah awam kos rendah yang dilaksanakan oleh Kerajaan-kerajaan Negeri melalui peruntukan pinjaman daripada Kementerian saya adalah terpulung kepada budi bicara Kerajaan Negeri masing-masing dan pihak Dewan Bandaraya. Oleh itu Kementerian saya tidak dapat menentukan pemohon-pemohon yang perlu diberi keutamaan atau sebaliknya.

Sungguhpun demikian Kementerian saya ada menyediakan garis panduan kebangsaan untuk dijadikan panduan dan amalan oleh Kerajaan-kerajaan Negeri dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dalam tindakan mereka membahagikan rumah-rumah tersebut. Garis panduan yang telah disediakan itu adalah membayangkan hasrat dan dasar Kerajaan bagi mengatasi masalah kekurangan perumahan di kalangan golongan berpendapatan rendah keseluruhannya.

Kementerian saya memberi perhatian yang berat dalam masalah pembahagian rumah ini dan Kementerian saya sentiasa berhubung rapat dengan pihak Kerajaan-kerajaan Negeri dan Dewan Bandaraya bagi memastikan bahawa rumah-rumah tersebut diberikan kepada mereka yang berpendapatan rendah dan benar-benar layak untuk diberi bantuan.

**Tuan Haji Mahmoud Salim bin Haji Mohamed:** Soalan tambahan. Garis-garis yang diberi oleh pihak Kementerian kepada Kerajaan Negeri adakah biasanya diturut ataupun dipatuhi dengan sepenuhnya?

Kedua, kalau sekiranya Kerajaan Negeri itu tidak mematuhi garis-garis yang diberi oleh pihak Kementerian, apakah tindakan pihak Kementerian ke atas Kerajaan Negeri itu kerana sebagaimana yang kita tahu wang itu diberi oleh pihak Kementerian kepada Kerajaan Negeri, maka tentulah pihak Kementerian ada hak campurtangan dan memaksakan syarat-syarat yang mustahak kepada Kerajaan Negeri. Tidakkah boleh kalau sekiranya Kerajaan Negeri itu tidak mematuhi supaya wang itu ditarik balik ataupun digantung buat sementara supaya garis-garis yang sempurna itu dapat dipatuhi.

**Dato' Haji Ramli bin Omar:** Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana saya telah nyatakan tadi Kementerian saya ada garis panduan kebangsaan, jadi boleh dikatakan kebanyakan negeri mengikut garis-garis panduan itu. Di samping itu ada mana-mana negeri yang sesuai, bukan maksudnya garis panduan itu baik 100%, mana-mana negeri juga yang fikir baik lebih sesuai lagi dengan kehendak rakyat, jadi boleh dipinda. Kalau negeri-negeri tidak patuh masalah-masalah yang dikehendaki dalam garis panduan kebangsaan ini saya rasa Kementerian, sentiasalah, sebelum hendak meluluskan peruntukan kepada negeri-negeri itu, kita menahan dan kita tidak memberi peruntukan, umpamanya rumah-rumah yang hendak dibina itu dengan rumah yang berharga lebih mahal yang tidak mampu bagi rakyat yang berpendapatan rendah hendak mendapatkan rumah itu.

## SEKOLAH MENENGAH TUANKU SYED PUTRA—PEMILIHAN PELAJAR

**13. Tuan Abdullah bin Salleh** minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada beliau sedar bahawa kebanyakan penuntut-penuntut di Sekolah Menengah Tuanku Syed Putera, Kangar adalah terdiri daripada pelajar-pelajar dari negeri lain.

**Tuan Abdullah bin Salleh:** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya suka membetulkan soalan ini “. . . . kebanyakan penuntut-penuntut Kelas Matrikulasi . . . .”

**Menteri Pelajaran (Dato' Musa bin Hitam):** Tuan Yang di-Pertua, saya tak pasti sama ada soalan yang diperbaiki ini ialah soalan asal atau tidak. Kalau begitu, kalau ada salah, saya menuntut maaf tetapi saya akan membacakan jawapan yang telah saya siapkan.

Asas Pemilihan pelajar-pelajar ke sekolah-sekolah Menengah Sains, termasuk Sekolah Menengah Tuanku Syed Putera, Kangar adalah dihadkan kepada calon-calon dalam sesebuah negeri di mana sesebuah Sekolah Menengah Sains itu didirikan.

Tiap-tiap negeri di Malaysia mempunyai sebuah Sekolah Menengah Sains, kecuali negeri Perak.

Oleh sebab negeri Perak tiada mempunyai Sekolah Menengah Sains, asas pemilihan calon-calon untuk Sekolah Menengah Tuanku Syed Putera diubah sedikit dengan membuka peluang kepada calon-calon dari Perak Utara. Kedudukan pelajar yang dipilih masuk ke Tingkatan Satu 1979 adalah seperti berikut:

Negeri	Lelaki	Perempuan
Perlis	50	23
Perak	20	8

Keadaan yang dinyatakan pada perenggan 3 akan dilaksanakan sekurang-kurangnya sehingga Perak mempunyai Sekolah Menengah Sainsnya sendiri, yang sekarang sedang dirancang dikeluarkan tendernya dua buah—sebuah di Taiping dan sebuah di Teluk Anson.

Selain daripada itu, ada sebilangan pelajar lain dari luar negeri Perlis, yang mengikuti Kursus Matrikulasi untuk Universiti Sains

Malaysia, kerana Kursus Matrikulasi ini terhad di tiga buah sekolah di utara sahaja setakat ini. Memang ada juga beberapa orang pelajar dari negeri luar Perlis kerana pertukaran dari sebuah Sekolah Menengah Sains lain ke Sekolah Menengah Tuanku Syed Putera atas alasan-alasan pertukaran yang lain seperti pertukaran ibu-bapa dan sebagainya.

Jadi saya harap jawapan itu ada tepat sedikit sebahagian daripadanya.

**Tuan Abdullah bin Salleh:** Soalan tambahan. Di Sekolah Menengah Tuanku Syed Putera didirikan adalah penuntut yang terdiri daripada Perak Utara, Pulau Pinang, Kedah dan Perlis. Tetapi bila mana Kelas Matrikulasi ini dibuka maka penuntut-penuntut daripada negeri-negeri dalam Malaysia ini ditempatkan di situ. Tidaklah boleh penuntut-penuntut yang belajar daripada Tingkatan Satu sahaja iaitu Perak Utara, Pulau Pinang, Kedah dan Perlis diberi tempat untuk belajar di Kelas Matrikulasi ini.

Yang kedua, tidaklah boleh dilebihkan sedikit penuntut-penuntut dari negeri Perlis sekiranya mereka berkelayakan untuk mengikuti Kelas Matrikulasi, kerana saya dapat tahu Perlis hanya mendapat 16 orang sahaja pada tahun ini.

**Dato' Musa bin Hitam:** Tuan Yang di-Pertua, untuk Kelas-kelas Matrikulasi memanglah sekolah ini digunakan bagi kepentingan Universiti Sains Penang yang dahulunya di Pulau Pinang dan dari segi permintaan pelajar-pelajar dari Perlis, kalaulah dipertimbangkan oleh universiti yang berkenaan bahawa seseorang murid itu layak untuk diterima mengambil Kelas Matrikulasi yang di bawah naungan mereka, maka saya percaya tidak ada halangan langsung yang akan menyebabkan seseorang murid itu tidak diterima. Barangkali kadangkala ada murid-murid itu yang memohon meminta masuk ke sekolah-sekolah lain dan di dalam permintaan mereka itu tidak berjaya, jadi kalau hendak balik semula barangkali ini menimbulkan satu masalah. Tetapi pada prinsipnya kalau ada seseorang pelajar ataupun murid yang difikirkan layak akan diterima untuk memasuki Kelas

Matrikulasi di sekolah yang berkenaan ini, lebih-lebih lagi memang sekolah ini didirikan di negeri Perlis untuk keutamaan murid-murid di Perlis.

Soal yang pertama tadi, Tuan Yang di-Pertua, saya minta maaf, saya tidak begitu pasti hasratnya itu. Kalau boleh disebut sekali lagi.

**Tuan Abdullah bin Salleh:** Penuntut-penuntut hanya diambil daripada empat buah negeri. Jadi, maksud saya tidaklah boleh kita utamakan, kita banyakkan daripada empat buah negeri itu untuk mengikuti Kelas Matrikulasi. Maksud saya bukanlah saya mempunyai satu perasaan kenegerian—tidak, penuntut lain negeri boleh juga diambil, tetapi di negeri-negeri lain itu ada sekolah menengahnya.

**Dato' Musa bin Hitam:** Tuan Yang di-Pertua, tidak benar sekolah ini untuk Tingkatan Satu untuk empat buah negeri. Seperti saya jawab tadi untuk Perlis dan Perak Utara sahaja untuk Tingkatan Satu.

Jadi yang diterima masuk Kelas Matrikulasi ditambahkan daripada negeri lain oleh sebab cuma ada tiga sekolah sahaja di utara Semenanjung yang akan menampung untuk Universiti Sains Penang ini. Oleh sebab itulah keadaan ini berlaku, tetapi apabila sekolah yang saya sebutkan di Perak ini dapat didirikan nanti, saya rasa keadaan ini akan dapat dibaiki.

#### BAYARAN PEGUAM KEPADA PEMBELI RUMAH

**14. Tuan S. Subramaniam** (*di bawah S.O. 23 (2)*) minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan memandangkan Kerajaan bercadang mengenalkan perjanjian yang serupa untuk semua pemaju perumahan dan pembeli-pembeli rumah menyatakan sama ada bayaran peguam akan juga diseragamkan.

**Dato' Haji Ramli bin Omar:** Tuan Yang di-Pertua, perkara menyeragamkan bayaran peguam yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu tidaklah disentuh semasa kajian dibuat untuk merangka kajian yang serupa untuk semua pemaju-pemaju perumahan dan pembeli-pembeli rumah. Perkara

ini adalah di dalam bidang kuasa Majlis Peguam dan terpulanglah kepada Majlis tersebut untuk mengkaji sama ada sesuai ataupun tidak.

**Tuan Yang di-Pertua:** Masa sudah cukup.

*(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 15 hingga 27 adalah diberi di bawah ini).*

#### RUMAH UNTUK BUMIPUTRA

**15. Dr Choo Kooi Fook** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa terdapat pemaju-pemaju perumahan yang membina rumah hanya untuk Bumiputra sahaja.

**Dato' Haji Ramli bin Omar:** Kenyataan Ahli Yang Berhormat itu adalah tidak benar. Masalah menguntukkan rumah-rumah untuk Bumiputra sahaja tidak timbul kerana rumah-rumah yang dibina oleh pemaju-pemaju perumahan tersebut adalah terbuka kepada sesiapa sahaja yang mampu untuk membelinya.

#### LALULINTAS PENUMPANG/HASIL DI LAPANGAN TERBANG SUBANG

**16. Tuan M. Mahalingam** minta Menteri Pengangkutan menyatakan peratusan tambahan kepada lalulintas penumpang di Lapangan Terbang Antarabangsa Subang bagi tahun 1975, 1976, 1977 dan 1978 serta hasil yang diperolehi bagi tahun-tahun itu.

**Menteri Pengangkutan (Tan Sri V. Manickavasagam):** Peratus tambahan kepada lalulintas penumpang dan hasil bagi tahun 1975, 1976, 1977 dan 1978 adalah seperti berikut:

Tahun	Penumpang	% per-tambahan	Hasil	% per-tambahan
1975	1,362,643	—	\$11,201,432.66	—
1976	1,524,415	11.8%	18,647,220.44	66.4%
1977	1,642,777	7.7%	19,762,495.97	5.9%
1978	1,823,201	10.9%	20,796,112.21	5.2%

#### SAMSU GELAP—HUKUMAN

**17. Datuk Dr Wee Khoo Hock** minta Menteri Kewangan menyatakan memandangkan samsu haram selalu mengakibatkan

kehilangan nyawa atau menyebabkan kerosakan teruk kesihatan peminum-peminum samsu, sama ada Kerajaan bercadang meminda undang-undang berkenaan supaya orang yang menyuling samsu haram itu dihukum kisas atau dihukum penjara seumur hidup.

**Datin Paduka Rafidah Aziz:** Mengenai hukuman-hukuman yang dikenakan ke atas mereka yang membuat serta menjual samsu gelap, saya berpendapat peruntukan undang-undang di bawah Akta Membaharui Undang-undang (Penghapusan Samsu Gelap) 1976 adalah agak mencukupi.

Walau bagaimanapun, Kerajaan akan mempertimbangkan kemungkinan Akta tersebut dipinda untuk memperuntukkan hukuman-hukuman yang lebih berat atas kesalahan-kesalahan bersabit dengan samsu gelap.

#### BIJIH TIMAH YANG DIRAMPAS

**18. Tuan Ismail bin Hashim** minta Menteri Kewangan menyatakan berapa banyak bijih timah telah dirampas oleh pihak Kastam dan Eksais Di-rajah di Johor Bahru, dan sama ada benar bahawa sebahagian dari bijih timah yang dirampas itu telah dicuri dari tempat simpanan Kerajaan di Johor Bahru.

**Datin Paduka Rafidah Aziz:** Pihak Kastam dan Eksais Di-rajah di Johor Bahru telah merampas sebanyak 2,844.06 pikul bijih timah dalam tahun 1977, 2,772.83 pikul di dalam tahun 1978 dan 703.75 pikul di dalam lima bulan pertama tahun 1979.

Memang benar sebanyak 47 pikul daripada bijih timah yang dirampas itu telah dicuri. Kecurian ini masih di dalam siasatan pihak Polis. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tindakan-tindakan telahpun diambil untuk memperkukuhkan keadaan setor-setor di mana bijih-bijih timah ini disimpan supaya kejadian seperti ini tidak akan berulang lagi.

#### SAMSU GELAP—AKIBAT KEMATIAN

**19. Tuan Chua Ching Cheng** minta Menteri Undang-undang menyatakan jumlah kematian akibat samsu gelap dari bulan Januari 1978 hingga Mei, 1979 dan sama ada Kerajaan bercadang untuk mengenakan

hukuman penjara seumur hidup dan disebat ke atas pembuat dan pengedar samsu gelap yang terlibat dalam kejadian kematian kerana samsu gelap.

**Menteri Undang-undang (Dato' Seri Haji Hamzah bin Haji Abu Samah):** Jumlah kematian ialah 21 orang di antara bulan Januari 1978 dan bulan Mei 1979 akibat penggunaan samsu gelap.

Setakat yang berkaitan dengan hal membuat atau mengedar samsu gelap, seksyen-seksyen 3 dan 4 dalam Akta Membaharui Undang-undang (Penghapusan Samsu Gelap) 1976 memperuntukkan penalti-penalti termosti yang berikut:

- (a) penjara selama tempoh tidak lebih daripada lima tahun dan tidak kurang daripada dua tahun; dan
- (b) denda tidak lebih daripada dua puluh ribu ringgit.

Jika samsu gelap yang menjadi hal-perkara kesalahan itu mengandungi apa-apa bahan berbahaya sebagaimana ditakrifkan, pesalah itu boleh dikenakan penalti-penalti termosti yang berikut:

- (a) penjara selama tempoh tidak lebih daripada sepuluh tahun dan tidak kurang daripada empat tahun;
- (b) denda tidak lebih daripada dua puluh ribu ringgit; dan
- (c) sebat tidak kurang daripada enam kali.

Mengenai pertanyaan sama ada Kerajaan bercadang untuk mengenakan hukuman penjara seumur hidup dan sebat ke atas pembuat dan pengedar samsu gelap, sebagaimana dinyatakan dalam jawapan kepada pertanyaan No. 14 dalam Dewan yang mulia ini pada 11 haribulan ini, perkara ini akan dipertimbangkan.

#### PENGELUARAN "IRON BARS"

**20. Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan berapa banyak pengeluaran "iron bars" dalam sebulan daripada kilang-kilang besi di seluruh Malaysia.

**Dato' Lew Sip Hon:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pengeluaran besi keluli sebulan kilang-kilang besi tempatan di seluruh Malaysia adalah dalam lingkungan purata 20,650 metrik tan.

#### HARGA MINYAK YANG BARU

**21. Tuan Haji Mohd. Amin bin Haji Yaakub** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan sama ada Kerajaan sedar bahawa harga minyak yang baru ini telah melibatkan kenaikan hampir 40% kadar tambang, harga keperluan dan keperluan sehari-hari, jika ya, apakah tindakan Kerajaan dalam hal ini.

**Dato' Lew Sip Hon:** Yang Amat Berhormat Menteri telahpun menjawab soalan yang serupa semasa beliau menjawab soalan Yang Berhormat Senator Datuk Haji Ahmad Arshad pada 17-7-79 dan saya tidak ada apa-apa tambahan ke atas jawapan tersebut.

#### PENDATANG HARAM VIETNAM— RONDAAN TUDM

**22. Datuk Haji Ahmad bin Haji Ithnin** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan sama ada TUDM mengambil peranan bersama dengan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dalam menjalankan usaha rondaan di kawasan perairan Malaysia bagi mencegah kemasukan bot-bot atau kapal-kapal pendatang haram ke Malaysia, jika ya, sudahkah ini dilakukan dan jika belum, bila.

**Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie):** Ya. TUDM ada mengambil peranan bersama iaitu dengan menjalankan rondaan udara di kawasan perairan Malaysia bagi mencegah kemasukan bot-bot pendatang-pendatang haram Vietnam ke negara ini.

#### PENDATANG HARAM VIETNAM— ROMPAKAN ATAS NELAYAN

**23. Tuan Ismail bin Sheik Ibrahim** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan sama ada benar beberapa orang pendatang haram telah merompak nelayan-nelayan kita; jika benar, nyatakan tindakan yang diambil terhadap pendatang-pendatang haram itu.

**Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie:** Satu rombongan ke atas nelayan-nelayan kita oleh 6 orang pendatang haram Vietnam telah berlaku pada 6hb Mei, 1979. Pendatang-pendatang haram tersebut telah dibicarakan di mahkamah dan didapati bersalah. Hukumannya akan dijatuhkan kemudian.

#### LESEN PUKAT TUNDA KEPADA NELAYAN

**24. Datuk Haji Abu Bakar Titingan bin Damsani** minta Menteri Pertanian menyatakan sama ada beliau akan menambah lesen pukat tunda untuk membolehkan lebih ramai nelayan menangkap ikan.

**Menteri Pertanian (Dato' Shariff Ahmad):** Pada masa ini Jabatan Perikanan tidak menggalakkan pengeluaran lesen-lesen Pukat Tunda baru. Ini disebabkan terlalu ramai nelayan menangkap ikan di dalam kawasan 12 batu pada masa ini. Walau bagaimanapun ada kemungkinan lesen-lesen Pukat Tunda dikeluarkan untuk menangkap ikan di luar kawasan 12 batu.

#### PERKHIDMATAN KAPALTERBANG DC-10

**25. Tuan Abdul Razak bin Haji Abu Samah** minta Menteri Pengangkutan menyatakan sama ada Kerajaan bercadang mengkaji semula perkhidmatan kapal terbang jenis DC-10 dan menggantikannya dengan jenis-jenis yang lain.

**Tan Sri V. Manickavasagam:** Kerajaan pada masa ini tidak ada cadangan untuk mengkaji semula perkhidmatan kapal terbang jenis DC-10 dan tidak ada cadangan untuk menggantinya dengan kapal terbang jenis lain.

#### PENDATANG HARAM VIETNAM— BILANGAN

**26. Dato' Haji Ibrahim bin Haji Yaacob** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan bilangan pendatang haram Vietnam yang masih terdapat di Malaysia, dan bila mereka akan meninggalkan tanahair kita.

**Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie:** Bilangan pendatang haram Vietnam yang masih berada di negara ini sekarang ialah 70,982 orang.

Berhubung dengan soal bilakah pendatang-pendatang haram Vietnam akan meninggalkan negara ini, adalah bergantung kepada cepatnya negara-negara ketiga memindahkan ke negara masing-masing. Daripada akuan-akuan yang dibuat oleh negara-negara ketiga dijangkakan seramai lebih kurang 46,000 orang lagi akan dipindahkan ke negara ketiga sehingga hujung tahun ini dan diharapkan negara-negara ketiga akan terus dapat mempertingkatkan usaha menempatkan pendatang-pendatang haram tersebut di negara masing-masing dan di samping itu Kerajaan akan terus menyekat kemasukan pendatang-pendatang haram Vietnam ke negara ini.

#### DASAR BELIA KEBANGSAAN

**27. Tuan Ibrahim bin Abdullah** minta Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyatakan sama ada belia semua kaum telah dapat meningkatkan perpaduan di kalangan mereka, dan sama ada kajian baharu telah dibuat dengan tujuan memperkemaskan Dasar Belia Kebangsaan.

**Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan (Datuk Abdul Samad bin Idris):** Bilangan belia dari semua kaum yang memasuki persatuan-persatuan belia sentiasa bertambah dari masa ke semasa. Kementerian saya sentiasa berusaha untuk menggalakkan mereka bertemu, berbincang dan menjalankan aktiviti bersama dengan tujuan untuk meningkatkan perpaduan di kalangan mereka dan puashati atas perkembangannya. Adalah dimaklumkan bahawa Kementerian saya sentiasa menyemak dan mengkaji dasar kegiatan belia dari masa ke semasa untuk mengemas-kinkannya.

#### USUL

#### WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT DAN PENANGGUHAN

**Menteri Tak Berpotfolio (Pengiran Othman bin Pengiran Haji Rauf):** Tuan Yang di-Pertua, saya akan mencadangkan:

Bahawa, walau apapun peruntukan-peruntukan Peraturan Mesyuarat 11 (1), Majlis Dewan Negara tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga telah selesai dipertimbangkan semua sekali urusan yang

tertera dalam Aturan Urusan Mesyuarat untuk hari ini, dan apabila tamat mesyuarat, Dewan ini akan ditangguhkan kepada suatu tarikh yang tidak ditetapkan.

**Tuan Law Hieng Ding:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa, walau apapun peruntukan-peruntukan Peraturan Mesyuarat 11 (1), Majlis Dewan Negara tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga telah selesai dipertimbangkan semua sekali urusan yang tertera dalam Aturan Urusan Mesyuarat untuk hari ini, dan apabila tamat mesyuarat, Dewan ini akan ditangguhkan kepada suatu tarikh yang tidak ditetapkan.

## RANG UNDANG-UNDANG

### RANG UNDANG-UNDANG SARAAN HAKIM (PINDAAN) (No. 2)

#### Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula Perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." (18hb Julai, 1979).

3.37 *ptg.*

**Datuk Haji Ahmad bin Arshad:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyambung ucapan saya pada petang semalam dan dengan Rang Undang-undang atau Akta Saraan Hakim (Pindaan) yang ada di hadapan kita ini memberikan peluang kepada para Hakim kita pencen, ganjaran dalam hal-hal yang tertentu dan perletakan jawatan dan pemberhentian dalam jawatan itu.

Memandangkan peruntukan ini adalah memberi peluang yang baik kepada para Hakim kita kerana memandangkan keadaan negara sedang pesat dalam pembangunan dan rakyat juga bertambah pemikirannya dan bertambah kemajuan, bertambah kekayaan, bertambah pula cergas dalam bidang melakukan kesalahan-kesalahan, sama ada

kesalahan jenayah atau kesalahan-kesalahan civil yang dibawa ke mahkamah bagi mereka itu mendapatkan keadilan undang-undang. Dengan melanjutkan umur para Hakim kita pada persaraan ini akan dapat mengatasi kes-kes yang bertimpa-timpa tidak dapat diselesaikan.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, kita syukur bahawa pendirian para Hakim kita pada hari ini tetap dengan prinsipnya yang bebas iaitu menegakkan keadilan undang-undang dan tidak dipengaruhi dengan tekanan-tekanan dan dengan satu keadaan.

Sebagaimana yang saya katakan semalam persaraan jawatan Hakim apabila mencapai umur 65 tahun itu bukan sahaja dari umur ini boleh dikatakan Hakim yang matang dan mahir dalam bidang kehakiman ini tetapi sebagaimana yang telah saya katakan tadi negara akan dapat mengatasi kekurangan para Hakim terutama sekali di Mahkamah Tengah atau Mahkamah Rendah, dengan sebab itu kekurangan Hakim itu patut diperhatikan, maka tidaklah kes-kes yang patut didakwa ke mahkamah itu bertimpa-timpa berlarut masa tidak dapat diselesaikan.

Satu perkara, Tuan Yang di-Pertua, saya masih ragu dalam Akta ini bahawa adakah hanya tertakluk kepada Hakim Mahkamah Persekutuan dan Hakim Mahkamah Tinggi sahaja tetapi bagaimana pula kedudukannya hakim-hakim peringkat lain seperti Mahkamah Rendah atau Majistret Kelas Satu, adakah mereka juga dapat peruntukan dalam kuatkuasa Akta ini.

Tuan Yang di-Pertua, bercakap saya dalam Fasal 8B. (1)—Bersara kerana sebab-sebab khas. Hakim-hakim itu belum mencapai umur 60 tahun dengan kelulusan Ketua Hakim Negara dan dengan kebenaran Yang di-Pertuan Agong untuk berkhidmat dalam satu-satu jawatan yang penting untuk Malaysia ini atau untuk sesebuah negara.

Pindaan ini sangat baik sebab sejak akhir-akhir ini negara kita telah banyak menubuhkan berbagai suruhanjaya atau badan-badan penasihat yang mengikut perkembangan masa, maka badan-badan itu menghendaki pengerusinya atau anggotanya seorang yang bebas seperti para Hakim kita.

Selain daripada itu, kita mengharapkan juga para Hakim yang bersara itu atau dipersarakan iaitu yang kurang daripada 60 tahun itu bukan sahaja menjawat jawatan yang penting dalam negara ini, boleh kita jadikan Duta di luar negeri atau Pesuruhjaya Tinggi di luar negeri kerana profesyen inilah yang layak dan menasabah dalam perkhidmatan di luar negeri kerana menjaga imej negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, bercakap saya dalam Fasal 8A (1)—Bersara kerana uzur. Bidang ini proses-proses permohonannya melalui Ketua Hakim Negara. Saya menyarankan sekiranya dapat diluaskan oleh Yang Arif Hakim Negara dalam bidang-bidang yang lain yang akan saya beri pandangan. Dalam masalah para Hakim yang hendak bersara semasa mereka berkhidmat seperti Hakim Mahkamah Tinggi, Hakim Persekutuan sebagaimana yang ada dalam peruntukan ini apalah kiranya dapat mereka ini memberikan satu pandangan yang lain seperti menyemak undang-undang negara ini kerana undang-undang negara ini kita cedok daripada undang-undang British dahulu. Dan kalau boleh dengan bijak dan arif Hakim-hakim ini dapat dijadikan undang-undang negara ini sesuai dengan keadaan suasana negara-negara di Asia Tenggara, kalau boleh kita dapat berpandukan apa undang-undang yang telah dipakai oleh negara-negara ASEAN khususnya. Dengan keadaan ini jenayah-jenayah yang dilakukan oleh rakyat dalam kawasan ini adalah menyamai, tetapi tidak sama sebagaimana jenayah yang dibuat oleh manusia-manusia di Eropah.

Selain daripada itu, kalau boleh diperhatikan undang-undang kita ini supaya dapat undang-undang negara ini berasaskan undang-undang Islam dengan seberapa boleh di beberapa peringkat, sebab setengah negara yang baru merdeka sama juga negara itu duduk dalam Komanwel, mereka itu dapat menyemak, mengkaji dan menggunakan undang-undang baru negaranya dengan berasaskan undang-undang Islam seperti di Pakistan. Jadi kalau tak boleh dibuat keseluruhannya tetapi pada peringkat-peringkat yang boleh patutlah difikirkan dia dikaji semula.

Tuan Yang di-Pertua, di samping itu saya mengharapkan supaya para Hakim kita memikirkan oleh sebab banyak negeri-negeri bila hendak mengadakan satu rang undang-undang pindaan bagi negeri itu tetapi tidak boleh dikuatkuasakan dengan sebab ada manek daripada Perlembagaan. Dengan keadaan ini kita kaji demi kepentingan rakyat dalam negeri ini, kalau boleh kita kemukakan pindaan yang membolehkan kerajaan negeri itu membawa pindaan dan boleh bagi pihak Kerajaan Persekutuan ini membawa pindaan Perlembagaan di Dewan Rakyat Dan Dewan Negara. Maka dengan ini akan dapat Tuan Yang di-Pertua, mengurangkan apa-apa yang terjadi atau kejadian-kejadian jenayah atau sivil kes atau kes-kes yang ada kesalahan ugama dapat dipastikan atau dikurangkan dalam negara ini.

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, saya mengharapkan Yang Berhormat Menteri berkenaan dapat memerhatikan dalam bidang kuasa yang diberikan kepada Jaksa Pendamai (JP) yang banyak di tanahair kita ini. Apakah bidang kuasanya? Padahal kita anggap JP sebagai Hakim yang kecil. Sekurang-kurangnya beri kuasa kepada mereka atau diberi kursus kepada mereka bagi membolehkan membicarakan kes-kes kecil. Kalau dahulu Penghulu-penghulu Besar boleh memutuskan kes-kes kecil di kampung-kampung mengapa JP ini tak boleh membicarakan kes seperti itu dan kalau boleh JP ini dibenarkan menjadi Pesuruhjaya Sumpah di Daerah-daerah. Dengan itu menyenangkan mereka yang hendak mendaftarkan perniagaan masing-masing. Dan selama ini saya melihatkan bahawa keadaan JP ini cuma nama sahaja JP, kuasanya hanya atas perkara yang kecil. Jadi, saya harap Kerajaan akan mengkaji balik kuasa patut diberikan sedikit kepada JP dalam tanahair kita.

Seperkara lagi, Tuan Yang di-Pertua, undang-undang dalam negeri kita ini sangat literal, sangat lembut dan sehingga rakyat berani mencabar Kerajaan membawa dan mendakwa Kerajaan ke mahkamah dalam perkara-perkara kes seperti RELA, kes Universiti Merdeka Sdn. Berhad, dengan sebab Kerajaan tak membenarkan dia menubuhkan universiti dia hendak bawa Kerajaan ke mahkamah. Ini menurut hemat saya Tuan Yang di-Pertua, walaupun negeri kita bercorak demokrasi, kejadian ini hendak

membawa Kerajaan ke mahkamah adalah daripada rasa tak puas hati atau didatangkan oleh anggota-anggota anti-nasional. Maka dengan demikian keadaan itu, saya harap Kerajaan akan menyemak semula bahawa tidak semua ataupun kalau boleh disekat terus Kerajaan ini dibawa didakwa ke mahkamah. Sebab kita tahu bahawa jabatan-jabatan Kerajaan juga Kerajaan Negeri dan Kerajaan Pusat bila sesuatu pentadbirannya adalah mengikut nasihat undang-undang, ada Peguam Negara dan Penasihat Undang-undang Negeri. Jadi dengan keadaan ini kalau kita biarkan akan menyentuh maruah sesebuah Kerajaan yang merdeka yang banyak menerima saman di mahkamah oleh rakyat negaranya sendiri.

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan jangan mengabaikan tuntutan di dalam Jabatan Kehakiman. Pernah Jabatan Kehakiman hendak dapat kemudahan kaki-tangan Kerajaan dan minta peruntukan tetapi sambutan Kerajaan adalah dingin, tetapi saya fikir ini sangat mustahak supaya para Hakim kita sama ada Mahkamah Rendah atau Mahkamah Tinggi dapat menjalankan dalam bidang kehakiman ini dengan sempurna dan licin. Maka dengan ini, Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya memberikan sokongan.

3.48 *ptg.*

**Puan Rahmah binti Othman:** Bismillahirrahmanirrahim. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyokong pindaan Rang Undang-undang yang dinamakan Akta Saraan Hakim 1971 ini. Pada pendapat saya, Tuan Yang di-Pertua, para Hakim Besar, Hakim Negara di seluruh negara kita ini adalah mereka yang ditarafkan kepada orang yang sungguh tinggi pelajarannya, sungguh arif pengalamannya di bidang perundangan dan penghakiman dan mereka ini adalah golongan yang harus dihormati kerana mereka-lah orang-orang yang membuat satu-satu keputusan, yang menjatuhkan hukuman daripada sekecil-kecil kes sehinggalah kepada yang besar di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, profesion ini patut dihormati dan dihargai dan para Ketua Hakim Besar Mahkamah Tinggi di negara ini telah menjalankan tugas mereka yang begitu cemerlang sekali. Mereka berani

memberikan pendapat membuat sesuatu keputusan kepada sesiapa sahaja yang dihakimkannya. Apakala seseorang itu masuk dalam mahkamah dihadapkan kepada Hakim, para Hakim memandang mereka ini sama sahaja tidak kira orang itu orang kaya atau orang miskin. Tidaklah mudah bagi seseorang itu, memandangkan seseorang insan lain tanpa mempunyai satu perasaan belas kasihan, kasih sayang dan sebagainya tetapi para Hakim kita di negara ini telah menjalankan tugas mereka dengan begitu adil dan saksama dan boleh mengeneipkan masalah perasaan emosi mereka untuk membuat suatu keputusan yang adil dalam bidang undang-undang yang dijalankan. Oleh yang demikian, saya percaya Akta ini akan dapat sokongan yang sepenuhnya daripada Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan ini.

Walaupun demikian, saya ingin memberikan beberapa pandangan saya dalam perkara ini terutama sekali dalam soal pengalaman seseorang itu berkenaan dengan sekim yang ditimbulkan. Saya faham, untuk menjadi seorang Hakim seseorang itu hendaklah berkhidmat di bidang judicial dan perkhidmatan perundangan selama 10 tahun dan kemudian kalau ia bernasib baik baharulah diterima menjadi Hakim, itupun kalau ada peluang. Maknanya jawatannya dan tugas ini adalah satu profession yang memerlukan pelajaran yang tinggi, pengalaman dan kebolehan yang lain-lain. Maka dengan itu, saya ingin membuat perbandingan, mengikut sekim gaji para Hakim. Dan memandangkan kepada pindaan yang didatangkan ini iaitu umur mereka sehingga 65 tahun, baharulah mereka bersara maka kalau kita lihat daripada negara-negara jiran tetangga kita gaji Hakim Besar (Chief Justice) ialah \$12,000 sedangkan kita di sini untuk sekim baharu, saya rasa lebih kurang \$8,000.

Cubalah Tuan Yang di-Pertua, fikirkan, bersara umur 65 tahun dapat gaji sekian banyak, sebahagian daripada gaji yang diterimanya sekarang ini apakala pencen setengah akan diberikan kepada Kerajaan dan dia hanya dapat setengah sahaja daripada gaji yang dia perolehi sekarang dan setengah daripada itupun pergi kepada Kerajaan, maka saya memikirkan sama ada Kementerian ini boleh menimbangkan sekim gaji ini juga supaya sesuai dengan taraf para Hakim ini. Apakala sudah meningkat umurnya 65 tahun saya tidaklah fikir layak bagi

seseorang Hakim ataupun Lord President itu sendiri mendapatkan tempat atau mencari kerja di tempat lain untuk hendak menampung sara hidupnya. Maka saya fikirkan ada satu usaha bagi pihak Kementerian ini untuk menimbangkan juga dalam sekim gaji ini supaya setelah Hakim itu memerah otaknya selama dia berkhidmat sebagai Hakim saya rasa umur 65 tahun ini biarlah mereka berihat dengan hati yang tenang dan dengan keadaan yang selesa baginya.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi yang dapat saya faham dan saya tahu ialah berkenaan dengan kedudukan Solicitor-General dengan Hakim hari ini. Saya telah difahamkan bahawa kedudukan para Hakim sekarang adalah di bawah Solicitor-General. Ini saya tidak faham. Kalau mengikut gajinya dan juga kedudukan protokol, perkara ini berlaku saya difahamkan bahawa Solicitor-General yang lalu telah mendapat satu sekim gaji yang begitu istimewa dan pemberian adalah secara peribadi (personal) oleh kerana memandangkan kepada senioritynya. Tetapi kalau perkara ini diberikan kepada orang yang mengambil tempatnya sekarang, yang saya difahamkan beliau ini adalah begitu junior, jadi keadaannya pada pendapat saya kalau orang yang junior service-nya duduk di tempat yang begitu senior dan memandangkan keadaan gajinya pula, maka di manakah kedudukan protocol yang sebenarnya dan saya rasa Kementerian dapat membetulkan keadaan ini.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi berkenaan dengan Seksyen 8A dan 8B. Saya tengok seorang Hakim yang belum sampai umurnya 60 tahun boleh membuat permohonan secara bertulis kepada Ketua Hakim Negara kerana uzur hendak bersara dan proses ini saya rasa terlalu panjang, kalau mengikut di sini Ketua Hakim kena pula berunding dengan Ketua Pengarah Perkhidmatan Perubatan dan satu Lembaga mengesahkan bahawa ini betul-betul sakit dan lepas itu dirujuk pula kepada Ketua Hakim Negara dan jika beliau tidak puas hati demi kepentingan pentadbiran kehakiman diserahkan pula pengakuan ini kepada Perdana Menteri dan seterusnya kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan jika Duli Yang Maha Mulia itu berpuas hati dengan nasihat-nasihat yang diterimanya baharulah beliau

itu diterima meletakkan jawatannya. Apakala mengikut Seksyen 8B seseorang Hakim Mahkamah Persekutuan yang belum mencapai umur 60 tahun tetapi telah memegang jawatan Hakim Mahkamah Persekutuan dan Mahkamah Tinggi selama tempoh yang kesemuanya berjumlah tidak kurang daripada 10 tahun boleh dengan kelulusan Ketua Hakim Negara membuat permohonan terus kepada Duli Yang Maha Mulia supaya dibenarkan bersara untuk berkhidmat dalam sesuatu jawatan yang lain. Saya rasa ada jauh bezanya dalam kedua-dua tugas ini.

Saya memikirkan supaya Kementerian, sudahlah orang ini uzur pada dirinya menunggukan proses yang begitu lama untuk mendapatkan kelulusan supaya dia berhenti daripada kerja itu, saya rasa amatlah lama. Kalau boleh had umur bawah seksyen 8A itu juga disamakan kedudukannya setelah dia berbincang dengan Ketua Hakim Negara proses yang sama juga yang menyenangkan supaya beliau itu dapat keizinan dengan lebih cepat lagi.

Tuan Yang di-Pertua, pada pandangan saya sekali lagi para Hakim-hakim ini perlu dipertimbangkan dan jawatan-jawatan yang mereka pegang sekarang memandangkan kepada perkhidmatan mereka itu mestilah dihargai dan soal skim gaji itu juga perlu dipertimbangkan untuk memberi satu penyelesaian kepada mereka yang begitu tarafnya tinggi di dalam perundangan negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, janganlah terdapat pula setelah berhenti daripada Hakim Besar di mana-mana, kita pula meminta khasnya besok memohon jawatan sebagai peguam biasa di mana-mana syarikat. Itu akan memalukan taraf seorang Hakim.

Sekian dan saya menyokong Rang Undang-undang ini dengan pandangan-pandangan saya tadi.

*4.01 ptg.*

**Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil bahagian untuk menyokong Rang Undang-undang ini.

Pada hari semalam, saya betul-betul tertarik apa yang dikatakan oleh Tun Suffian di dalam satu ceramahnya mengatakan Hakim-hakim tidak takut kepada parti apapun di dalam negeri ini untuk menjalankan

Undang-undang negeri. Ini saya menyokong dengan sepenuh-penuhnya. Sebagai seorang Hakim, seseorang itu dia tidak takut dan tidak mahu mendengar mana-mana pihak walaupun pihak pemerintah ataupun bukan pemerintah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat, saya hendak mengingatkan iaitu tujuan Rang Undang-undang ini ialah untuk meminda Akta ini bagi mengadakan dua hal keadaan tambahan yang membolehkan seseorang Hakim bersara dari jawatannya. Dua perkara sahaja yang boleh disentuh. Saya minta Ahli-ahli Yang Berhormat jangan mengemukakan perkara yang lain yang tidak sangkut-paut dengan Bil asal ini.

**Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak:** Tuan Yang di-Pertua, saya bukan hendak sangkut-pautkan kepada parti-parti lain tetapi saya menyokong iaitu sebagai seorang Hakim dalam negara kita mestilah betul-betul menjalankan Undang-undang dengan tidak memandang bulu. Itulah sebabnya saya menyokong apa yang dikatakan oleh Ketua Hakim Negara.

Selain daripada itu saya hendak sentuh kepada Seksyen 8A (1). Seorang Hakim yang belum mencapai umur 60 tahun boleh membuat permohonan secara bertulis kepada Ketua Hakim Negara supaya dibenarkan bersara oleh kerana uzur.

Tuan Yang di-Pertua, Hakim ialah seorang pegawai yang dilantik oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Dengan sebab itu kalau dia uzur, dia boleh bersara. Jadi seseorang Hakim yang belum mencapai umur 60 tahun boleh membuat permohonan secara bertulis kepada Ketua Hakim Negara. Itu dia yang saya hendak comment sekarang dan keduanya, apabila menerima apa-apa permohonan dari seorang Hakim di bawah Seksyen 8A (1), Ketua Hakim Negara bolehlah menubuhkan, selepas berunding dengan Ketua Pengarah Perkhidmatan Perubatan. Seperti pegawai-pegawai lain, misalnya Pengarah Besar sesuatu jabatan, atau Ketua Setiausaha Kementerian yang tinggi darjahnya, yang tinggi pangkatnya, tidak payah lagi hendak berunding dengan Menteri oleh kerana hendak bersara, tidak payah berunding dengan Perdana Menteri menyatakan, "saya hendak bersara". Kalau dia uzur, dia boleh pergi periksa. Kalau katanya dia

tidak boleh bekerja lagi maka dia boleh pergi terus kepada doktor, mengatakan, "saya tidak boleh bekerja kerana uzur sangat. Kalau saya duduk di bangku Kehakiman atau menjadi pegawai, saya tidak boleh bekerja untuk menjalankan tugas saya". Jadi doktor yang bertanggungjawab itu sama ada Ketua Pengarah Perubatan atau siapa juga doktor yang telah dikhaskan oleh Kerajaan untuk memeriksa seseorang pegawai itu boleh menetapkan ya atau tidaknya seseorang Hakim itu boleh bersara oleh kerana keuzurannya. Jadi tidaklah begini panjangnya kerana orang itu uzur. Kalau begini panjang, orang itu uzur, barangkali seseorang Hakim itu telah mati, baharu dia boleh bersara atau dua bulan, tiga bulan, setahun, baharulah dia boleh bersara.

Dengan sebab itu Fasal 8A (1) dan 8 (2) adalah berkaitan. Saya harap Kerajaan akan menimbangkan supaya seboleh-bolehnya menjalankan seberapa ringkas.

Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Datuk Ahmad Arshad telah mengatakan berkenaan dengan Undang-undang mengenai pindaan ini, saya hendak menegur sedikit iaitu sebelum Undang-undang itu dibuat, mestilah dikaji oleh Hakim-hakim pindaan-pindaan yang dibuat di Parlimen ini mestilah dikaji betul-betul oleh kerana apabila pindaan dibuat oleh Parlimen kemudian apabila ada satu-satu kes dibawa di Mahkamah nanti, kalah misalnya, maka apa pindaan yang dibawa di dalam kedua-dua Parlimen adalah dipandang tidak begitu elok. Dengan sebab itu pada masa akan datang pindaan ini mestilah sesuai dengan Perlembagaan negeri supaya tidaklah nanti orang mengatakan, lihat, apabila Rang Undang-undang dipinda di sini, tentu Ketua Hakim Negara telah memeriksa atau Hakim-hakim telah memeriksanya, baharulah diluluskan, tetapi sebelum ini kita hendak membincangkan, hendak diluluskan dan sebagaimana Tuan Yang di-Pertua sedia maklumlah, kalau dibawa sahaja Rang Undang-undang ini untuk pindaan, tentu sahaja lulus. Sebelum itu, ini mestilah ditengok betul-betul, boleh atau tidak dibuat, kalau tidak boleh, cari jalan-jalan yang membolehkan supaya tidak nanti menjadi satu perkara yang memalukan kita sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, setakat itulah sahaja pandangan saya atas dua perkara ini dan saya menyokong Rang Undang-undang ini.

4.09 ptg.

**Tuan Haji Mahmoud Salim bin Haji Mohamad:** Saya bangun, Tuan Yang di-Pertua, untuk menyokong Rang Undang-undang ini.

Sebagaimana yang diberi ingatan oleh Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, supaya perbahasan tidak terkeluar daripada dua perkara sahaja, maka saya terpaksa mematuhi.

Saya menyentuh di dalam Fasal 8A berkenaan dengan Persaraan Hakim. Kepada saya sebenarnya umur Hakim ini tidaklah menjadi satu perkara yang patut kita tetapkan sebagaimana pegawai-pegawai Kerajaan yang lain dengan sebab taraf Hakim samalah seperti taraf Menteri-menteri. Jadi kalau sekiranya Menteri-menteri lebih-lebih lagi Perdana Menteri boleh memerintah sebuah negeri sampai umurnya 80 tahun, 90 tahun, kepada saya tidak salah Hakim-hakim ini umurnya dilanjutkan, tidak semestinya apabila sampai umurnya 65 tahun ia terpaksa berhenti, bersara sebagaimana yang ditetapkan dalam Undang-undang ini. Lebih-lebih lagi dalam negara kita ini, memang kita kekurangan hakim. Dengan sebab kekurangan hakim maka banyak kes-kes yang tidak selesai, yang menjadi sungutan hatta di dalam Dewan ini pun. Dengan dilanjutkan umur persaraan hakim itu adalah memberi satu pertolongan supaya kes-kes yang ada itu dapat diselesaikan.

Berhubung dengan keadaan sekarang ini, Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana kekurangan hakim-hakim seumpama di negeri Trengganu, semenjak selepas Perang Dunia Kedua belum pernah hakim itu tinggal di negeri Trengganu, terpaksa datang daripada negeri lain. Dengan sebab itu lagi banyak kes-kes yang tidak selesai. Kepada saya patutlah hakim-hakim ini umur persaraan tidak dihadkan 65 tahun dan patut dibanyakkan lagi seberapa ramai kerana kita sudah merdeka 22 tahun, tidak patut lagi negeri kita ini ketinggalan di dalam bahagian-bahagian perbicaraan itu.

Dalam masalah sebagaimana yang ditetapkan di dalam Fasal 8A, seorang hakim yang belum sampai umur 60 tahun boleh memohon bersara kerana uzur. Jadi ini pun betul sebagaimana yang dibahaskan tadi tentang cara-caranya, rutinanya, iaitu Ketua Hakim menubuhkan Lembaga Perubatan untuk memeriksa hakim itu, kemudian Lembaga Perubatan itu melaporkan pula kepada Ketua Hakim; Ketua Hakim pula angkat kepada Perdana Menteri; Perdana Menteri angkat pula kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Yang di-Pertuan Agong pula merujuk kepada suatu Tribunal menurut Fasal 4 dan sebagainya. Setelah dapat pengakuan, barulah dia bersara. Saya tidak kira fasal itu, saya fikir kalau sekiranya seorang hakim minta hendak bersara, perkara kelambatan itu tidak timbul kerana masing-masing hendak menyegerakan, Lembaga ini pun dengan serta-merta, dengan segera boleh ditubuhkan. Tetapi yang menjadi kemusykilan saya di dalam fasal ini ialah di dalam Lembaga Perubatan itu disyaratkan seorang daripadanya mempunyai kelayakan kepakaran di dalam bidang perubatan yang berkaitan dengan keuzuran hakim itu. Jadi di dalam Lembaga Perubatan ini mesti ada seorang pakar. Pakar inilah yang akan merujukkan keuzuran hakim.

Di dalam Undang-undang ini keuzuran itu tidak disebut, keuzuran apa? Ada keuzuran daripada segi tubuh badan, dan keuzuran daripada segi akal fikiran. Ada dua perkara. Jadi kalau sekiranya pakar perubatan ini dilantik seorang daripadanya tentulah orang-orang ini akan merekomenkan kepada Ketua Hakim tentang tubuh badan hakim itu sahaja. Padahal sebagaimana yang kita tahu di dalam masalah keuzuran ini, manusia ini ada dua masalah; satu masalah akal, satu masalah tubuh badan. Kadangkadang dalam masalah akal fikiran ini orang yang berfikiran molek pun tetapi kalau dia itu kena sihir takdirnya, fikirannya jadi tidak molek. Apakala dia kena sihir, fikirannya tidak molek, dia pun uzur. Maka hakim seumpama; saya tidak menuduh, saya kata misalan sahaja, seorang hakim yang telah kena sihir akal fikirannya kurang molek, dia pun tulis surat kepada Ketua Hakim minta bersara kerana dia uzur. Maka Ketua Hakim mengikut biasa melantik Lembaga Perubatan dan meminta seorang daripada pakar perubatan merekomenkan. Sebagaimana biasa

saya tidak tahulah di Kuala Lumpur ini, tetapi yang saya selalu tahu, kalau berhubung dengan perkara sihir ini doktor tidak ada masuk campur. Dia kata sihir walafiat, dia nasihat suruh balik bekerja. Jadi terpaksa hakim ini mengikut biasanya, keuzurannya tidak diterima. Apakala keuzurannya tidak diterima, dia terpaksa menjalankan khidmatnya. Apakala dia menjalankan khidmatnya bagaimana seorang hakim yang akan memutuskan guaman, perkara yang cukup serius, orang yang akal fikirannya kurang sihat, tiba-tiba dikatakan sihat, tidak boleh diberhentikan. Ini masalahnya.

Kalau sekiranya keuzurannya itu daripada segi tubuh badan (fizikal) itu tidak mengapa, moleklah, sebagaimana yang ada di sini, tetapi kalau keuzuran itu berhubung dengan mentalnya, maka janganlah dimasukkan dalam perkara ini. Walau bagaimanapun mesti diberi timbangan khas yang tidak berhajat lagi kepada itu. Sekian, Tuan Yang di-Pertua.

#### 4.15 ptg.

**Tuan Alexander Y. L. Lee:** Saya bangun menyokong dengan sepenuhnya pindaan kepada Akta Saraan Hakim yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri. Saya menyokong atas apa yang dikatakan oleh saudara-saudara saya di Dewan ini berkenaan Seksyen 8A.

Dengan syarat yang sedia ada, seorang hakim yang ingin meletakkan jawatan atas sebab uzur terpaksa melalui satu proses yang sungguh rumit. Beliau dikehendaki melalui 4 peringkat yang berlainan sebelum bersara dan ini kalau dibaca Seksyen 8A kita boleh nampak sangat terang dan saudara-saudara saya yang berucap telah menjelaskannya.

Saya ingin tahu sama ada kita boleh memastikan cara yang lebih mudah. Sepanjang pengetahuan saya tidak ada jabatan dalam Perkhidmatan Awam di mana seorang pegawai yang ingin bersara atas sebab uzur kesihatan terpaksa melalui satu proses yang begitu panjang dan rumit. Saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri apakah sebabnya mengadakan satu cara yang begitu rumit. Ini memberi gambaran kepada kita yang kita tidak boleh mencari seorang hakim yang ingin bersara atas sebab kesihatan. Hakim-hakim kita

mendapat kuasa-kuasa yang luas sekali, dan mereka ada tugas-tugas untuk mempertahankan kedaulatan undang-undang kita. Hakim-hakim kita telah membicarakan kes-kes yang mustahak sekali. Bukan sahaja kes-kes penganas-penganas, pemberontak-pemberontak, ahli-ahli politik yang terkemuka, pegawai-pegawai yang berjawatan tinggi bahkan juga mereka yang berketurunan diraja. Semua kes-kes ini telah dibicarakan dengan begitu adil dan cemerlang sekali dan ini memberi gambaran yang baik kepada sistem pengadilan kita.

Lagi satu prinsip yang dipegang teguh ialah semua orang adalah sama dari sisi undang-undang. Dari segi ini hakim-hakim kita tidak gentar ataupun memilih kasih dalam memberi keputusan dalam kes-kes yang dibicarakan, tidak mengira langsung pangkat, keturunan atau ugama. Dengan ringkasnya semua adalah sama kepada mereka. Hakim-hakim kita tidak menyebelahi mana-mana pihak.

Ingin saya sebutkan di sini bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita pernah pada satu ketika dahulu dipanggil sebagai saksi telah diberi layanan yang sama seperti saksi-saksi lain. Usaha baik hakim-hakim kita itu telah dapat menaikkan imej Malaysia terutama sekali bagi menarik pelabur-pelabur asing. Faktor ini amatlah penting sebab pelabur-pelabur asing akan merasa terjamin dan tidak teragak-agak lagi untuk melabur di Malaysia. Hakim-hakim kita juga telah menunjukkan kebijaksanaan mereka dalam membicarakan kes-kes dan daripada beribu-ribu kes yang dibicarakan semenjak merdeka, hanya segelintir sahaja daripada keputusan-keputusan itu yang telah ditukarkan oleh Majlis Privy (Privy Council).

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat, apa Yang Berhormat katakan itu, saya fikir tidak kena mengena dengan Seksyen 8A iaitu bersara kerana uzur.

**Tuan Alexander Y. L. Lee:** Tuan Yang di-Pertua, ini saya terangkan . . . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Jangan panjangkan perkara ini. Saya tidak tahu apa maksud Ahli Yang Berhormat.

**Tuan Alexander Y. L. Lee:** Maksudnya saya hendak tunjukkan . . . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila duduk! Bila Yang di-Pertua bercakap, Ahli Yang Berhormat sila duduk. Ini kerana uzur sahaja, jangan dipanjang-panjangkan teguran Ahli Yang Berhormat. Itu saya fikir tidak ada kena mengena dengan Bil ini.

**Tuan Alexander Y. L. Lee:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak terangkan ucapan saya oleh kerana kuatkuasa yang diberi kepada Hakim-hakim kita yang luas dan yang besar sekali dan di semua kes-kes yang diadakan di Malaysia semenjak merdeka Hakim-hakim kita telah tunjukkan satu imej yang baik sekali, dan saya hendak bertanya mengapa Seksyen 8A ada syarat-syarat yang mengikat Hakim-hakim yang hendak bersara sebab uzur. Itu yang saya hendak tunjukkan di Dewan ini. Tetapi saya hendak pendekkan ucapan saya.

Saya memberi sokongan kepada peruntukan Seksyen 8B juga yang membolehkan seseorang Hakim dari Mahkamah Persekutuan untuk bersara atas sebab-sebab tertentu. Selepas berkhidmat selama 10 tahun, tentulah Hakim-hakim telah mendapat pengalaman yang begitu luas dalam pembicaraan kes dari berbagai aspek. Mereka boleh dianggap sebagai satu golongan manusia yang mempunyai pengetahuan yang luas tentang sektor-sektor yang ada dalam masyarakat kita. Amatlah sesuai sekali jika dikatakan yang mereka ini berkebolehan untuk mengetuai Suruhanjaya Pengadilan dan juga badan-badan berkanun. Peruntukan bagi seorang Hakim yang masih sihat tetapi akan bersara patut disediakan. Beliau boleh menggunakan kemahiran dan pengalaman yang telah dikumpulkannya di dalam pengutusan asing, seberang laut ataupun dalam mana-mana badan Kerajaan. Maka kepandaiannya tidak akan disia-siakan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil kesempatan ini untuk membuat beberapa kenyataan tentang sistem pengadilan kita kerana hanya pada masa seperti inilah dapat kita menunjukkan betapa besarnya hati kita kepada mereka atas usaha-usaha mereka untuk menubuh dan memelihara satu sistem pengadilan yang adil dan saksama. Mereka ini membuat kerja tanpa disedari oleh orang ramai tetapi sebenarnya mereka ini berusaha dengan giatnya untuk membina sebuah sistem yang kukuh.

Sekianlah, saya menyokong pindaan-pindaan Akta ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tan Sri Datuk Haji Abdul Razak bin Haji Husain.

4.23 ptg.

**Tan Sri Datuk Haji Abdul Razak bin Haji Husain:** Tuan Yang di-Pertua, saya suka mengambil bahagian di dalam perbahasan Rang Undang untuk meminda Akta Saraan Hakim 1971.

Saya cuma hendak membawa perkara ini iaitu seseorang Hakim itu boleh bersara mengikut syarat dalam Akta ini. Pertama sekali, kalau dia sudah berkhidmat sampai umur 65 tahun, bolehlah dia bersara. Dan dalam Perlembagaan pun memang ada menyatakan seseorang Hakim itu mesti berkhidmat sampai umur 65 tahun. Selain daripada itu bersara dari jawatan Hakim Mahkamah Persekutuan ataupun Mahkamah Tinggi mengikut Seksyen 8 (a) dan 8 (b), Seksyen 8 (c) meletakkan jawatan itu setelah mencapai umur enam puluh tahun. Seksyen 8 (d) berhenti memegang jawatan itu sebelum mencapai umur enam puluh lima tahun oleh kerana tidak berdaya, disebabkan oleh kelemahan tubuh atau otak atau apa-apa sebab lain, untuk menjalankan dengan sewajarnya tugas-tugas jawatannya.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Bil ini sebab Bil ini lebih melindungi para Jemaah Hakim kita, tetapi walau macam manapun boleh dipertikaikan.

Pertama, mengapakah seseorang Hakim itu apabila dia sudah berumur 60 tahun, kalau dia minta bersara dengan sebab kesihatan, maka Hakim Negara perlu menubuhkan satu Tribunal yang mengandungi tiga orang doktor dan seorang daripadanya adalah kepakaran dalam penyakit yang dihadapi oleh Hakim itu.

Tuan Yang di-Pertua, rasa saya kalau ini ada diikatkan di dalam peraturan ini maka bermakna tiap-tiap Hakim itu mesti berkhidmat sehingga umur 65 tahun.

Tuan Yang di-Pertua, kita tahu seseorang Hakim yang dilantik di dalam negara kita ini tidak kurang umur mereka itu dalam lingkungan 45 tahun ke atas iaitu setelah

berkhidmat dalam jawatan peguam tidak kurang daripada 10 tahun sama ada membuat practice sendiri ataupun berkhidmat dalam Jabatan Kehakiman.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka hendak minta pandangan apa sebab maka Kerajaan mesti mengadakan setelah 60 tahun umur mereka atau hakim itu sakit, tidak padakah hakim yang berkenaan menghantar surat kepada Ketua Hakim Negara mengatakan keuzurannya dan diperiksa oleh doktor biasa dalam sebuah pusat perubatan, dan tidak mustahak berkehendakkan penubuhan Tribunal. Kalau langkah itu dijalankan bermaknalah bahawa Hakim yang 60 tahun ini sendiri pun ataupun Ketua Hakim Negara umpamanya mesti mempunyai syak, yang ianya patut boleh berkhidmat lagi, maka dia mahu berhenti. Ini satu yang saya minta pandangan dari Yang Berhormat Menteri.

Pada saya seseorang yang berumur 60 tahun, kemudian dia ada penyakit, ini sudah menjadi lumrah alam kita, dari langkah-langkah perjalanannya pun, dari wajah-wajah air mukanya, dan tutur-katanya boleh kita memahami mereka itu sakit. Tetapi kalau sekiranya dia perlu diperiksa oleh pegawai perubatan ataupun pakar perubatan, itu adalah lazim dalam mana-mana perkhidmatan. Tetapi yang dimaksudkan oleh Akta ini dia mesti melalui satu Tribunal yang mengandungi tiga orang pegawai perubatan yang tidak kurang seorang daripadanya keahlian dalam penyakit yang dihadapi oleh Hakim itu sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana biasa, saya bersetuju bahawa negara kita ini berkehendakkan kehakiman yang berumur 65 tahun itu adalah satu keistimewaan yang diberi kepada perkhidmatan kehakiman, kerana mereka ini mempunyai kepintaran, kecekapan dan sebagainya kerana di dalam negeri demokrasi ini mempunyai tiga aspek iaitu pembuat undang-undang sebagai ahli perundangan, termasuk Dewan Negara, Dewan rakyat dan Dewan Negeri; yang kedua orang yang menjalankan kehendak undang-undang iaitu kakitangan Kerajaan, dan yang ketiganya orang yang mentafsirkan undang-undang itu ialah mahkamah termasuk Hakim dan mahkamah itu sendiri.

Betul, itu satu faktor yang penting di dalam pentadbiran demokrasi, tetapi soal kewibawaan seseorang manusia yang lebih-lebih lagi orang Timur ini, jangka masa kesihatan seseorang hakim itu terhad, dia tidak boleh bercampur dengan orang-orang yang tidak tentu, sehingga menjemput tetamu orang-orang yang ada hubungan ataupun kaitan kes pun tidak boleh. Begitu sekali terhad, tertutup perhubungan ataupun pergaulan Hakim-hakim ini. Kerana mereka tidak boleh bebas dengan keadaan yang sesuka mereka dan sebagainya, mereka sentiasa menjaga maruah dan kearifan mutu kehakiman mereka itu. Jadi tentulah masa hendak berihat itu sudah kurang pada mereka, Tuan Yang di-Pertua, dan inilah perkara yang saya bangkitkan dalam Fasal 8A dan 8B yang tercatat dalam Rang Undang-undang ini.

Lagi satu, Tuan Yang di-Pertua, saya minta pandangan daripada Yang Berhormat Menteri iaitu mengikut Artikel 122B Perlembagaan, lantikan seorang Hakim, baik Hakim Mahkamah Tinggi atau Mahkamah Persekutuan hendaklah disembahkan ke Majlis Raja-raja oleh Duli-duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong. Tetapi bila hendak memberhentikan dia dalam artikel ini tidak ada—makluman pun tidak ada jangan kata berunding. Jadi masa melantik Hakim mengikut Artikel 122B dibawa ke Persidangan Raja-raja, tetapi bila hendak memberhentikan seorang Hakim ataupun seorang Hakim hendak bersara, perkara itu tidak dibuat, hanya setelah mendapat pandangan daripada Ketua Hakim Negara dan Perdana Menteri akan menyembah perkara ini kepada Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong yang hendaklah merujuk perkara-perkara itu kepada suatu tribunal meluluskan bersara. Mengikut undang-undang tidak payah beritahupun kepada Majlis Raja-raja. Jadi perkara ini yang saya minta Yang Berhormat Menteri memberi pandangan mengapa perkara itu berlaku.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu, saya juga suka bercakap dalam masalah kehormatan seseorang Hakim yang perlu dijagai. Ramai sahabat-handai saya dan rakan sejawat saya telah bercakap iaitu Hakim ialah merupakan satu profession yang tinggi mutunya dalam bidang perundangan. Tetapi yang saya tengok biasanya Hakim-hakim ini diberi oleh Kerajaan kereta untuk kegunaan

mereka, sebahagian daripada kereta Hakim ini kadang-kadang kerana kereta ini tua atau uzur, sepatutnya Hakim-hakim ini diberi kereta yang sesuai dengan kedudukannya kerana kereta ini pun diberi oleh Kerajaan untuk dipakai oleh Hakim sendiri. Tetapi kalau dipakai Mercedes 200 yang agak buruk sedikit dan berumur 4-5 tahun dan berbanding dengan orang lain. Mengapa Kerajaan biarkan begitu sedangkan dia berkhidmat sampai 65 tahun, mereka menjalankan tugas Kerajaan, tugas kehakiman, dia sepatutnya mendapat keraian dalam masa ia menjalankan tugas. Jadi dalam masa menjalankan tugas kenderaan ini patut ditimbangkan agak baik. Jadi apa yang saya merayu kepada Dewan ini supaya kenderaan Hakim ini sesuai dengan kedudukannya kalau boleh Hakim-hakim Mahkamah Tinggi boleh menggunakan Mercedes 280 dan Hakim Negara keretanya lebih besar supaya ia mensymbolkan keadilan undang-undang negara kita kepada orang yang hak menerima. Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Bil ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Dijemput Yang Berhormat Menteri.

4.34 *ptg.*

**Menteri Tak Berfotfolio (Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf):** Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya terlebih dahulu mengucapkan berbilang terima kasih kepada enam orang Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah bangun menyokong dan memberi pandangan mereka terhadap Rang Undang-undang yang saya bantangkan di dalam Dewan yang mulia ini.

Yang Berhormat S. I. Rajah telahpun membuat ucapan kelmarin telah meminta atau mencadangkan agar ahli-ahli guam juga dilantik menjadi Hakim. Untuk makluman Dewan yang mulia ini memanglah dalam hal ini bahawa Hakim-hakim yang dilantik adalah daripada pegawai yang sedang berkhidmat dan juga daripada peguam-peguam swasta ada beberapa orang Hakim yang datangnya daripada peguam-peguam swasta.

Yang Berhormat Datuk Haji Ahmad Arshad telah menimbulkan beberapa perkara. Pertamanya ialah mengenai Rang Undang-undang ini adalah untuk Hakim

Persekutuan dan Hakim Mahkamah Tinggi sahaja dan tidak pula melibatkan Yang di-Pertua Mahkamah Rendah atau Majistret. Jawapannya ialah Rang Undang-undang ini seperti yang ada di hadapan ini adalah hanya melibatkan Mahkamah Persekutuan dan Mahkamah Tinggi sahaja dan tidak akan melibatkan Mahkamah-mahkamah Rendah kerana ini adalah paling sesuai memandangkan kepada kedudukan Mahkamah-mahkamah yang tinggi itu, maka ianya hanya dapat dikenakan kepada mahkamah-mahkamah yang berkenaan. Beliau juga menyebut Hakim-hakim supaya menyemak dan selaraskan undang-undang negara umpamanya negara Asean, dan dalam hal ini ingin saya mengingatkan Yang Berhormat itu bahawa apa juga undang-undang yang berjalan di negara-negara lain adalah merupakan perkara mereka sendiri dan mungkin hanya sesuai untuk negara-negara itu. Oleh itu, kita di negara kita ini hendaklah menggubal atau membuat undang-undang yang bersesuaian dengan negara kita. Walaupun demikian, beberapa perkara yang berkaitan dengan international law, perkara-perkara yang berkaitan biasanya diambil perhatian apabila menggubal undang-undang kita.

Beliau juga menyentuh tentang undang-undang harus berasaskan undang-undang Islam, dalam hal ini di negara kita ini perkara-perkara yang berkaitan dengan undang-undang Islam adalah pada masa ini dijalankan oleh Mahkamah Syariah atau Mahkamah yang menjalankan perbicaraan yang berkaitan dengan undang-undang Islam dan saya rasa tidaklah perlu diragukan bahawa perkara-perkara yang berkaitan dengan Islam adalah juga diambil perhatian di dalam menjalankan keadilan di negara kita ini. Beliau juga menyentuh tentang undang-undang kita lemah di mana rakyat kadangkala boleh membawa Kerajaan ke mahkamah. Saya rasa bukan di semua perkara yang Kerajaan boleh dibawa ke mahkamah, hanya perkara-perkara yang tertentu yang membolehkan seseorang itu membawa Kerajaan ke Mahkamah. Saya rasa ini adalah amat sesuai sebagai sebuah negara yang demokrasi haruslah juga rakyat diberi peluang untuk membawa perkara-perkara yang sesuai ke mahkamah sebagai appeal daripada tindakan-tindakan Kerajaan kerana

ini adalah satu konsep yang baik. Beliau seterusnya meminta supaya permintaan-permintaan daripada mahkamah, misalnya, mengkehendaki kakitangan janganlah di pandang sepi.

Sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua, perkara ini memang menjadi perhatian khas pihak Kerajaan. Kerajaan tidaklah memandang sepi kepada permintaan-permintaan pihak mahkamah, terutama sekali yang berkaitan dengan menjalankan tugas mereka kepada rakyat, memang dari semasa ke semasa perhatian telah diberi dan tindakan-tindakan yang sesuai telah diambil untuk memastikan bahawa perjalanan perundangan di dalam negeri ini, terutama sekali para hakim apabila menjalankan tugas mereka sebagai hakim yang melibatkan rakyat akan berjalan dengan licin dan teratur dan memuaskan semua pihak.

Yang Berhormat Puan Rahmah Othman telah menimbulkan iaitu agar gaji hakim-hakim negara ini disamakan ataupun di seimbangkan dengan gaji hakim-hakim di negara-negara jiran kita. Sekali lagi saya ingatkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa apa juga tindakan negara-negara lain seharusnya tidak menjadi ukuran kepada kita di negara ini kerana latar belakang keadaan negara kita ini berlainan dengan negara-negara yang lain itu.

Di dalam menimbang gaji hakim-hakim di negara ini Kerajaan terpaksa juga menyelaraskannya dengan gaji kakitangan-kakitangan perkhidmatan yang lain supaya sesuai dan seimbang supaya semua kakitangan Kerajaan atau mereka yang berkhidmat dengan Kerajaan merasa puas hati dengan gaji masing-masing, jangan nanti satu seksyen daripada perkhidmatan itu mempunyai gaji terlalu tinggi dan satu seksyen lagi mempunyai gaji terlalu rendah. Dalam perkara gaji ini saya rasa Dewan ini telahpun meluluskan di dalam perhimpunannya yang lalu mengenai dengan gaji para hakim yang saya rasa tidak berapa lama dahulu dalam bulan Januari, 1979. Maka dengan itu di dalam perubahan itu gaji para hakim telah dinaikkan daripada yang terdahulu darinya.

Perkara yang agak hangat yang dibahas oleh Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian ialah mengenai dengan Seksyen 8A di mana seorang hakim apabila memohon bersara

kerana uzur terpaksa melalui proses yang mungkin begitu panjang kerana ianya dikemukakan kepada beberapa badan, misalnya Pengarah Perubatan, Lembaga Perubatan dan seterusnya. Ingin saya menarik perhatian Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian bahawa 8A ini adalah penting ianya dijalankan melalui beberapa badan penapis supaya apabila seseorang hakim itu memohon bersara kerana uzur tidak ada lagi syak wasangka yang permohonan itu dijalankan atas hanya perasaan seseorang tetapi perlu dipastikan bahawa seseorang yang mahu bersara kerana uzur itu perlu dipastikan yang beliau itu betul-betul uzur, maka berulah dapat kita pertimbangkan.

Yang Berhormat Tuan Haji Mahmoud Salim dalam hubungan ini telah menyentuh mengenai dengan seorang hakim yang bukan sakit tubuh badan tetapi uzur dari segi pemikiran. Saya rasa dalam negara kita ini mempunyai doktor kepakaran dalam segi ini, maka kalaulah perkara ini timbul tentulah doktor yang berkenaan yang pakar dalam perkara mental ini adalah menjadi salah seorang daripada ahli kepada Lembaga ini sepertimana yang diterangkan dalam Rang Undang-undang ini memerlukan seorang yang pakar dalam bidang perubatan yang berkaitan dengan keuzuran seseorang hakim itu. Maka ini tidaklah perlu kita ragu, ini akan diambil tindakan mengikut yang sesuai.

Ingin saya memberi jaminan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian bahawa berkenaan Seksyen 8A, Kerajaan akan berhati-hati mengambil tindakan mengenai dengan perkara ini dan akan memastikan bahawa proses ini tidaklah akan mengambil masa setahun atau dua tahun, malahan apabila seorang hakim itu sudah melaporkan atau meminta bersara kerana uzur, maka tindakan serta-merta akan dibuat dan tindakan-tindakan menyusul akan dipercepat untuk memastikan bahawa perkara ini tidak tergantung atau lambat tetapi akan dijalankan dengan seberapa cepat yang boleh.

Yang Berhormat Raja Datuk Nong Chik telah menimbulkan berkenaan dengan perkara di mana Rang Undang-undang itu sebelum ianya dibuat atau diluluskan oleh Dewan ini hendaklah dikaji oleh para hakim supaya apabila ianya telah diluluskan maka tidaklah pula akan memalukan apabila dibawa ke mahkamah oleh sesuatu pihak di

masa depan. Dalam hubungan ini ingin saya mengambil perhatian Ahli Yang Berhormat itu para hakim bukannya mereka yang bertanggungjawab untuk membuat undang-undang, sebenarnya yang membuat undang-undang di negara kita ini ialah Ahli-ahli Parlimen sendiri dan sebelum undang-undang itu dibuat atau diubah adalah diproses atau dikaji oleh Jabatan Peguam Negara di mana Jabatan ini mempunyai pakar-pakar dari segi undang-undang untuk mengkaji tiap-tiap undang-undang yang akan kita ubah atau kita adakan itu. Para-para hakim yang menjalankan perbincangan adalah hanya bertugas menterjemahkan undang-undang itu dan menjalankan undang-undang itu mengikut yang diterjemahkan. Dari itu mungkin kadang-kadang memanglah ada terdapat terjemahan atau intepretasi dari satu hakim ke satu hakim mungkin kadangkala boleh berlainan. Mungkin inilah barangkali yang disuarakan oleh Ahli Yang Berhormat itu apabila beliau menyatakan kekhawatirannya mengenai dengan Rang Undang-undang kita boleh dipersoalkan validitinya di mahkamah. Walau bagaimanapun, segala perhatian akan diambil untuk memastikan, saya kata tadi melalui Jabatan Peguam Negara kita, bahawa semua undang-undang kita sebelum dibawa ke Dewan yang mulia ini mestilah dipastikan bahawa ianya benar-benar mencapai apa yang kita kehendaki.

Yang Berhormat Tuan Haji Mahmoud Salim juga telah menyentuh mengenai dengan hakim-hakim yang berumur lebih daripada 65 tahun harus dibolehkan meneruskan perkhidmatan mereka. Dalam Perlembagaan kita hari ini hakim-hakim sebenarnya dibanding dengan Jabatan-jabatan ataupun perkhidmatan-perkhidmatan yang lain adalah boleh dikatakan mereka ini bertugas lebih lama dari kakitangan perkhidmatan awam misalnya di negara kita ini. Pada pendapat kita 65 tahun kita rasa memang sudah sesuai dan memandang lagi keadaan pada masa ini dari masa ke masa lebih banyak anak-anak kita yang berkecayaan menjadi hakim, saya rasa mungkin tidaklah timbul masalah yang rumit yang berkaitan dengan perkara ini.

Begitu juga Yang Berhormat Tuan Alexander Y. L. Lee menyebut sekali lagi bahawa proses Seksyen 8A itu terlalu panjang dan bolehkah dimudahkan. Seperti saya kata tadi tidaklah dapat diubah kerana ini adalah

Kerajaan memandang kepada pentingnya memastikan bahawa apabila seorang hakim itu disarakan kerana keuzuran mestilah dipastikan bahawa perakuan yang sebenarnya ada yang mereka ini boleh disarakan.

Yang Berhormat Tan Sri Datuk Haji Abdul Razak Husain menyentuh mengenai Seksyen 8A dan beliau mengatakan kenapa hakim-hakim yang sudah 60 tahun memenuhi proses ini, mungkin Ahli Yang Berhormat itu barangkali tersilap. Di dalam undang-undang ini ada mengatakan, iaitu: "Seorang hakim yang belum mencapai umur 60 tahun". Apabila mereka sudah sampai umur 60 tahun maka mereka bolehlah bersara dengan mendapat pencen tetapi sebelumnya mereka sampai 60 tahun barulah peraturan-peraturan ini dapat diteruskan.

Beliau juga menyebut tentang mengapa di dalam perlantikan para hakim itu Kerajaan perlu mendapatkan pandangan dari Majlis Raja-Raja atau perkara itu perlu dirujuk kepada Majlis Raja-Raja tetapi apabila Hakim itu diberhentikan dalam Rang Undang-undang ini tidak ada menyentuh perkara itu akan dirujuk kepada Majlis Raja-Raja.

Perlu kita ingatkan di sini bahawa apabila kita melantik seseorang hakim itu, ini adalah perlu diselidiki dari beberapa segi iaitu dari segi-segi keadilan, dari segi-segi kesesuaian kemuliaan Hakim itu kerana hakim itulah yang akan mentadbirkan undang-undang di negara kita ini tetapi apabila seseorang hakim itu bersara, ini tidak lagi melibatkan beliau itu di dalam pemilihan untuk menjalankan tugas yang penting, tetapi berhenti daripada tugas itu, maka kerana itulah difikirkan tidak perlu kita mesti mengemukakan lagi perkara ini kepada Majlis Raja-Raja.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa itu sahajalah pandangan yang dapat saya beri dan mana-mana perkara yang telah tidak saya sentuhkan tetapi telah disuarakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat itu saya telah ambil ingatan dan insya Allah atas kesesuaian Kerajaan akan mengambil tindakan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbangkan dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

*Fasal 1 dan 2* diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat ditempokkan selama 15 minit.

*Persidangan ditempokkan pada pukul 4.55 petang.*

*Persidangan disambung semula pada pukul 5.15 petang.*

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

#### RANG UNDANG-UNDANG SURUHANJAYA-SURUHANJAYA PERKHIDMATAN (PINDAAN)

**Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**  
*5.15 ptg.*

**Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang bernama "Suatu Akta untuk meminda Ordinan Suruhanjaya-suruhanjaya Perkhidmatan 1957" dibacakan kali yang kedua sekarang.

Rang Undang-undang yang dibentangkan dalam Dewan yang mulia ini bertujuan meminda Jadual kepada Seksyen 10 Ordinan Suruhanjaya-suruhanjaya Perkhidmatan dan mengadakan dua Jadual baru. Jadual Pertama yang mengandungi perkara-perkara gaji, elaun tetap dan elaun bantuan gaji drebar yang baru. Jadual yang kedua pula mengandungi lain-lain kemudahan-kemudahan yang dinikmati oleh Pengerusi, Timbalan-timbalan dan Ahli-ahli Suruhanjaya Perkhidmatan.

Rang Undang-undang ini juga bertujuan mengadakan peruntukan baru iaitu Seksyen 13. Seksyen baru ini memperuntukkan kuasa kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong membuat apa-apa pindaan kepada Jadual Kedua dengan peraturan-peraturan.

Sebagai Ahli-ahli Yang Berhormat harus maklum, gaji atau elaun tetap kepada Ahli-ahli Suruhanjaya Perkhidmatan dipinda kali terakhir pada tahun 1972. Dengan demikian adalah mustahak bagi Ahli-ahli Suruhanjaya diberi gaji/elaun tetap yang baru dan kemudahan-kemudahan yang lebih baik lagi setaraf dengan darjat mereka. Adalah menjadi makluman umum bahawa belanja hidup telah meningkat sejak beberapa tahun ini. Berikutan dengan itu Kerajaan telahpun mengkaji tentang gaji-gaji dan elaun-elaun bagi pegawai-pegawai Kerajaan dan akhirnya Kerajaan telah melaksanakan tanggagaji Jawatankuasa Gaji Kabinet pada tahun 1977.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan telah mendapati bahawa elaun mesyuarat yang diterima oleh Ahli-ahli Suruhanjaya adalah berbeza kerana ianya berdasarkan jumlah mesyuarat yang dihadiri. Hal ini telah menimbulkan perbezaan-perbezaan pendapatan bulanan antara Ahli-ahli Suruhanjaya. Dalam hal ini Kerajaan telah menghapuskan elaun mesyuarat dan faktor itu dikira dalam gaji baru/elaun tetap yang dibentangkan ini. Dengan ini terdapat keselarasan pendapatan bagi Ahli-ahli Suruhanjaya Perkhidmatan. Walaupun demikian hanya terdapat sedikit perbezaan bagi Pengerusi, Timbalan Pengerusi dan Ahli-ahli Suruhanjaya Perkhidmatan Awam yang mendapat gaji dan elaun tetap yang agak tinggi daripada lain-lain Suruhanjaya. Dalam hal ini Kerajaan berpendapat adalah wajar dikekalkan kedudukan ini. Kecuali Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, lain-lain Ahli-ahli Suruhanjaya Perkhidmatan mendapat gaji/elaun tetap yang sama seperti di dalam Jadual Pertama.

Dalam melaksanakan gaji dan elaun tetap yang baru itu, sekatan akan dikenakan kepada Ahli-ahli Suruhanjaya Perkhidmatan daripada mengambil bahagian dalam perniagaan dan menumpukan sepenuh masa dalam tugas Suruhanjaya-suruhanjaya saja. Berikutan dengan ini langkah-langkah akan diambil untuk meminda perkara-perkara tertentu dalam Perlembagaan untuk menghalangkan Ahli-ahli Suruhanjaya Perkhidmatan daripada melibatkan diri dalam sebarang perniagaan.

Tuan Yang di-Pertua, gaji, elaun tetap dan kemudahan-kemudahan baru ini akan ditawarkan kepada semua Pengerusi, Timbalan Pengerusi dan Ahli-ahli Suruhanjaya

Perkhidmatan. Satu tempoh selama 6 bulan akan ditawarkan kepada Ahli-ahli sama ada menerima atau menolak tawaran gaji baru ini iaitu mulai perkara ini diisytiharkan. Dengan penerimaan syarat-syarat ini Kerajaan percaya Suruhanjaya-suruhanjaya akan dapat menumpukan seluruh tenaga bagi kerja-kerja Suruhanjaya.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Dato' Haji Ibrahim bin Haji Yaacob:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang Suruhanjaya-suruhanjaya Perkhidmatan (Pindaan) dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

5.18 ptg.

**Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak:** Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang ini tetapi cuma saya hendak bangkitkan satu perkara sahaja berkenaan dengan gaji dan elaun di muka 2, Seksyen 4:

(A) Public Services Commission

1. Chairman:
 

(a) Salary	...	...	\$4,500 per month
(b) Driver's allowance			250 per month
2. Deputy Chairman:
 

(a) Salary	...	...	3,250 per month
(b) Driver's allowance			200 per month
3. Members:
 

Fixed allowance	...		2,500 per month
-----------------	-----	--	-----------------

Di sini juga disebutkan Railway Service Commission Chairmannya sama juga dengan Chairman Public Services Commission tetapi dia mendapat \$4,000 sebulan dan gaji drivernya sama. Deputy Chairmannya mendapat \$2,750 sebulan tetapi Deputy Chairman Public Services Commission dapat \$3,250 sebulan.

Kita lihat pula di muka 2 dan 3 Public Services Commission, Education Service Commission. Education Service Commission ini Pengerusinya mendapat \$4,000 sebulan sama juga dengan Railway Service Commission. Di sini elaun drivernya serupa. Saya hendak bertanya apakah sebabnya Public Services Commission ini gaji Pengerusinya

lebih \$500 daripada Railway Service Commission? Adakah pengetahuan Pengerusi ini lebih daripada pengetahuan Chairman, Railway Service Commission dan Deputy Chairman juga pengetahuannya lebih atau mereka lebih senior, gaji Superscale "A" ataupun lebih daripada Superscale "A" apabila dia pencen dahulu barangkali dipandanginya dia ini ada gelaran Tan Sri, atau Datuk atau apa pangkatnya. Adakah digradekan cara begitu, dengan sebab itu gaji mereka ada yang berbeza begitu sekali.

Jikalau Public Services Commission ini—Service Commission biarlah mereka mendapat gaji serupa, jangan dibeza-bezakan daripada yang lain. Dan driver's allowance ini dibeza-bezakan. Misalnya gaji Chairman \$4,500 maka tentulah driver's allowance itu tinggi kerana hendakkan uniform yang lebih baik, lain-lain yang lebih bagus lagi jadi gajinya \$300 sebulan dan driver yang satu lagi ini iaitu untuk Deputy Chairman maka driver's allowance \$200 sebulan. Di sini juga menunjukkan yang gaji driver pun berbeza. Tugas driver adalah sama untuk membawa kereta. Saya tidak tahu apa qualification driver, sebab di sini ada bezanya. Oh! sebab dia membawa kereta Chairman, dia dapat \$250 dan oleh kerana dia ditugaskan kepada Deputy Chairman, dia dapat \$200. Ini saya fikir kalau gaji driver kepada Chairman mendapat \$250 maka driver kepada Deputy Chairman juga mesti \$250 dan begitu juga Railway Service Commission, kalau Chairman dan Deputy Chairman pun, gaji driver mestilah serupa, jangan dibeza-bezakan sangat, melainkan title dia lain tetapi yang title driver itu driver juga, perutnya sama juga lapar, kalau dia \$250 dia pun mesti dapat \$250. Barangkali boleh jadi Chairman itu banyak kerjanya berpusing dunia, berpusing-pusing Tanah Melayu ini, kerjanya lebih banyak sebab itu gaji drivernya \$250. Yang driver kepada Deputy Chairman ini barangkali kerjanya tak banyak, cuma cuci motokar sahaja, bawa kereta ke pejabat dan balik, gajinya \$200. Jadi itulah sebabnya timbul tidak puas hati dan berkaitan dengan gaji ini telah berkali-kali tidak dipertimbangkan pada mulanya—pakai letak sahaja, oleh sebab dia Chairman, gaji driver itu mahal. Mana boleh begitu?

Saya harap perkara ini dapat ditimbangkan.

Saya tidaklah hendak bahaskan berkenaan dengan elaun dan privileges kepada semua Commissions ini, tetapi yang saya persoalkan ialah gaji Chairman, Public Services Commission dan driversnya. Sebagai driver, semuanya mestilah mendapat gaji \$250 sama dengan driver Pengerusi. Dengan ini, saya sokong Rang Undang-undang ini.

5.25 ptg.

**Tuan V. V. Aboo:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong satu Akta untuk meminda Ordinan Suruhanjaya-suruhanjaya Perkhidmatan 1957.

Saya ingin membangkitkan satu perkara dalam Bil ini bahawa Suruhanjaya-suruhanjaya ini mempunyai seorang Pengerusi, seorang Timbalan Pengerusi dan beberapa orang Ahli-ahli dan mereka ini mendapat pendapatan bulanan yang telah ditetapkan. Pada pandangan saya pendapatan yang didapati oleh Pengerusi, Timbalan Pengerusi atau Ahli-ahli beberapa Suruhanjaya yang akan saya bacakan nanti adalah tinggi dan berlebihan.

Public Services Commission—Pengerusi \$4,500; Timbalan Pengerusi \$3,250; Ahli-ahli \$2,500. Railway Services Commission—Pengerusi \$4,000; Timbalan Pengerusi \$2,750; Ahli-ahlinya \$2,250. Education Service Commission pula Pengerusi \$4,000, Timbalan Pengerusi \$2,750; Ahli \$2,250, tetapi allowance Police Service Commission cuma \$2,250.

Tuan Yang di-Pertua, pada pandangan saya pendapatan yang didapati oleh mereka yang telah saya bacakan tadi adalah terlalu tinggi dan kalau perlu, rasa saya patut diturunkan. Saya berkata begitu kerana mereka mendapat pendapatan yang lebih kurang dengan pendapatan bulanan yang didapati oleh Menteri-menteri. Pada pendapat saya ini mungkin boleh menjatuhkan satu set-up dan image para Menteri dan mungkin pengadilannya membuat rakyat keliru.

Akhir sekali saya sokong Bil ini.

5.28 ptg.

**Datuk Haji Ahmad bin Arshad:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun memberi sokongan atas Akta yang ada di hadapan kita ini.

Saya tidak hendak membuat banyak comment, cuma saya mengucapkan tahniah kepada Kerajaan sebab telah membuat satu tanggajaji dengan memberi kenaikan gaji kepada driver-driver, Pengerusi dan Timbalan Pengerusi tiap-tiap Suruhanjaya Perkhidmatan. Ini sangat sesuai, sebab ini sebuah badan yang bebas dan patut kita berikan kemudahan yang boleh melegakan kehidupan mereka. Dan kalau boleh sekali lagi, kita fikir, kita tambah lagi, sebab tugasnya bertambah banyak, kerja-kerjanya bertambah banyak, kerja kakitangan Kerajaan yang hendak diambil banyak, hendak menjaga tatatertib kakitangannya pun banyak. Itu semua kerjanya besar. Jadi kalau mereka dapat satu gaji yang baik, ia akan menjalankan kerja dengan jujur, ikhlas, dedikasi dan bersih daripada rasuah. Ini satu tambahan gaji yang sangat molek.

Saya ingin hendak bertanya, sebab saya kurang arif dalam Undang-undang. Adakah Suruhanjaya Perkhidmatan Awam ini hanya terbatas kepada kakitangan Kerajaan Pusat sahaja? Adakah Rang Undang-undang ini boleh meliputi Suruhanjaya tiap-tiap Kerajaan Negeri? Sebab Kerajaan Negeri juga ada mempunyai Suruhanjaya bagi mengambil kakitangan di negeri itu. Kalau tidak ada, tidak boleh meliputi Rang Undang-undang ini, saya minta Yang Berhormat Menteri yang berkenaan memberikan nasihat kepada Kerajaan-kerajaan Negeri yang ada mempunyai Suruhanjaya; melainkan Perlis tidak ada; supaya dibuat satu Rang Undang-undang yang sama gajinya sebagaimana yang didapati oleh Suruhanjaya Pilihanraya kita dan ini akan dapat menseimbangkan, dapat juga kemudahan-kemudahan sebab Suruhanjaya pihak negeri pun tidak kurang khidmatnya sebagaimana Suruhanjaya pihak Pusat.

Itulah sahaja, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong.

5.31 ptg.

**Tan Sri Datuk Haji Abdul Razak bin Haji Husain:** Tuan Yang di-Pertua, memanglah tiap-tiap sebuah negara dikehendaki ada Suruhanjaya bebas bagi memilih kakitangan juga timbang kenaikan pangkat, kawalan disiplin bagi pegawai Kerajaan yang berkenaan. Peruntukan yang dibuat sekarang ini adalah satu peruntukan yang lebih baik

daripada dahulu, dan mencerminkan hasrat Kerajaan kepada mereka yang diamanahkan supaya menjalankan dengan penuh dedikasi dan ini satu kehormatan yang diberi oleh Kerajaan kepada Suruhanjaya Pilihanraya.

Saya hanya hendak menarik perhatian Menteri kepada elaun menghadiri mesyuarat—\$75 sehari, sama ada menghadiri mesyuarat penuh atau mesyuarat Board, tetapi tertakluk kepada maximum \$1,000 pada tiap-tiap sebulan. Di sini bermakna Suruhanjaya ini kalau dikirakan \$75 sehari tetapi diberikan maximum \$1,000 bermakna mereka ini boleh berkhidmat 14 atau 13 hari sahaja dalam sebulan. Saya tidak menafikan sebagai manusia mesti ada juga faktor-faktor yang saya ingat boleh berlaku. Apa guna kita berkhidmat lebih sedangkan elaun itu \$75 sehari tetapi maximum tertakluk kepada \$1,000 sebulan. Jadi kalau didarabkan \$75 sehari cuma 13 hari sahaja.

Jadi tujuan Kerajaan sekarang ini berkehendakkan memberi lumayan, syarat-syarat perkhidmatan dan sebagainya sehinggakan bonospun diberi oleh Kerajaan. Syarat perkhidmatan itu tidak seimbang sekalipun Chairman atau Deputy Chairman yang menggantikan kerja itu boleh memanggil ahlinya bersidang, menjalankan Lembaga Pemilihan, tetapi tertakluk kepada \$35 sehari dalam segi kerja. Apa salahnya itu dihilangkan. Saya tahu bahawa bezanya tidak banyak, cuma \$500 sahaja tambahannya kalau dia bersidang penuh sebulan. Tuan Yang di-Pertua, dengan kita menghilangkan, meniadakan maximum tertakluk kepada \$1,000 sebulan itu dengan sendirinya Suruhanjaya ini diberikan satu tugas yang sebetul-betul bebas, memilih atau menjalankan khidmatannya dengan tiada peruntukan-peruntukan yang boleh menyekat supaya dia boleh menyambung bersidang. Jadi kalau sekiranya sebulan 13 hari sahaja yang mereka boleh membuat itu dan ini, pegawai yang kita hendakkan itu terhad juga untuk mendapatnya.

Ini sahaja saya hendak memberi pandangan kepada Kerajaan, saya menyokong kepada Kerajaan bahawa ini adalah satu hadiah yang sangat baik kerana kita berkehendakkan Suruhanjaya ini bersih daripada sebarang rasuah dan menjalankan dengan penuh adil. Mereka juga cukup diberi

layanan, sehinggakan kalau sekiranya habis khidmat ataupun mereka dapat elaun bonos sebulan dalam tempoh setahun, boleh pula diberi kepada waris kalau mereka meninggal dunia. Jadi ini satu pemberian yang cukup oleh Kerajaan kepada ahli-ahli Commission ini.

Saya mencadangkan dan mengesyorkan kepada Kerajaan supaya angka atau jumlah wang imbuhan yang lebih baik harus ditimbang dari masa kesemasa kalau perlu bawa balik ke dalam Dewan ini kelak supaya mereka boleh berkhidmat menjalankan sidangnya sepenuh masa dengan bebas dan bertanggungjawab. Sekian dahulu, saya menyokong Bill ini diluluskan.

5.35 *ptg.*

**Pengiran Othman bin Pengiran Haji Rauf:** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengambil kesempatan mengucapkan banyak-banyak terima kasih kepada 4 orang Ahli Dewan ini yang telah bangun bersama-sama menyokong Rang Undang-undang ini dan memberikan juga pandangan masing-masing.

Berhubung dengan perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Raja Datuk Nong Chik mengenai dengan perbezaan gaji di antara Public Service Commission, ingin saya menjelaskan di sini Kerajaan seperti saya kata tadi adalah berpendapat bahawa ini adalah sesuai memandangkan kepada tugas-tugas yang dijalankan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam adalah terlalu banyak meliputi semua jabatan-jabatan di negara ini. Sedangkan Railway Service Commission atau Education Service Commission adalah terhad Railway sahaja atau Education sahaja dan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam meliputi semua jabatan-jabatan Kerajaan yang lain termasuk juga Kerajaan-kerajaan Tempatan dan seterusnya.

Oleh itu adalah difikirkan tambahan sebanyak \$500 itu adalah tidak keterlaluan memandangkan kepada tugas-tugas yang dijalankan oleh mereka ini.

Mengenai dengan elaun drebar pula, sebenarnya ini adalah telah dinaikkan iaitu dari kadar \$150 sebulan kepada \$250 sebulan dan bagi Timbalan Pengerusi dahulunya tidak ada diberi elaun ini dan kali ini pula diberi elaun yang mana ini merupakan sekali

lagi persembahan yang diberikan oleh Kerajaan kepada perkhidmatan yang cemerlang yang telah diberikan oleh mereka ini.

Mengenai dengan elaun drebar ini bukanlah bermakna yang elaun ini membayar gaji drebar seorang itu, tetapi elaun ini hanya merupakan bantuan kepada yang berkenaan iaitu kepada Pengerusi dan Timbalan Pengerusi dan ahli-ahlinya untuk membantu membayar gaji drebar yang mereka gunakan.

Mengenai dengan apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat yang mengatakan mungkin gaji ini terlalu tinggi, jika dibandingkan dengan gaji Menteri-menteri hampir sama, saya rasa ini pun sudah dipertimbangkan oleh Kerajaan dengan seluas-luasnya di mana sebelum Kerajaan mengadakan Rang Undang-undang ini, dibentangkan dalam Dewan ini, Kerajaan telah membuat kajian sedalam-dalamnya dengan menimbangankan perkhidmatan-perkhidmatan yang lain yang ada dalam negara kita ini barulah kemudiannya dapat kita mengadakan seperti yang dibentangkan dan adalah difikirkan bahawa apa juga yang kita telah bentangkan ini memanglah amat sesuai dan selaras dengan perkhidmatan-perkhidmatan yang ada dalam Kerajaan pada hari ini.

Yang Berhormat Datuk Haji Ahmad bin Arshad menyentuh tentang sama ada Rang Undang-undang ini akan melingkungi Kerajaan Negeri. Inginlah saya memaklumkan kepada Dewan ini bahawa Rang Undang-undang ini tidaklah melingkungi Kerajaan Negeri, hanyalah Kerajaan Pusat seperti mana yang diterangkan di sini iaitu beberapa perkhidmatan Suruhanjaya yang ada di sini iaitu Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Suruhanjaya Perkhidmatan Kehakiman, Railway Service Commission, Police Service Commission dan seperti yang dinyatakan dalam Rang Undang-undang ini.

Mengikut beliau Kerajaan harus menasihatkan Kerajaan Negeri. Saya rasa dalam hubungan ini Kerajaan Pusat harus berhati-hati kerana gaji Suruhanjaya Perkhidmatan Negeri adalah dibayar oleh Kerajaan Negeri masing-masing. Ini terpujanglah barangkali kepada kemampuan negeri itu. Walau bagaimanapun, dalam perkara ini Kerajaan sentiasa mengambil perhatian

dan sentiasa memberikan maklumat-maklumat ataupun nasihat-nasihat jika diperlukan oleh Kerajaan Negeri yang berkenaan.

Saya rasa dengan adanya perubahan ini kita haraplah juga Kerajaan-kerajaan Negeri nanti akan mengambil perhatian dan mungkin juga bertindak mengikut jejak langkah apa yang telah dibuat oleh Kerajaan Persekutuan.

Yang Berhormat Tan Sri Datuk Haji Abdul Razak menimbulkan masalah elaun mesyuarat yang \$75 sehari tetapi tertakluk kepada maksima \$1,000 sebulan yang mana ini merupakan kira-kira 13 hari sahaja daripada masa bekerja.

Inginlah saya mengambil perhatian Yang Berhormat itu dalam perkara ini peraturan yang sama juga telah dikenakan kepada perkhidmatan-perkhidmatan Kerajaan yang lain di mana misalnya elaun batu menggunakan kereta hitung mileage juga dihadkan kepada maksima yang tertentu. Ini adalah perlu kerana memandangkan kepada gaji yang sudah begitu tinggi, maka perlulah dihadkan supaya dapat menjimatkan sedikit kewangan yang dapat kita jimatkan dalam perkara ini. Walau bagaimanapun mengikut pengalaman tidaklah bermakna ataupun tidak bererti bahawa setelah mereka sampai maksima \$1,000 ini ataupun pada lain-lain perkhidmatan Kerajaan apabila sampai kepada maksima tuntutan mereka tidak bekerja. Ini belum pernah timbul. Malahan mereka terus berkhidmat dan inilah merupakan satu semangat yang kita boleh bangga di dalam negara kita ini bahawa seseorang itu boleh berkhidmat tanpa memikirkan sangat tentang gaji ataupun pendapatan yang mereka perolehi. Begitulah juga harapan kita kepada Suruhanjaya-suruhanjaya ini kerana gaji mereka pun boleh dikatakan sudah tinggi, jika dibandingkan dengan perkhidmatan-perkhidmatan yang lain dan kita haraplah dengan elaun sehari \$75 pun memang sudah tinggi dan saya haraplah mereka dapat menerima had maksima \$1,000 sebulan dapat mereka terima, pastilah mereka diberi pilihan mengenai gaji yang baharu ini nanti.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa sekian dan sekali lagi saya mengucapkan ber-banyak-banyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan di-setujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

*Fasal 1 hingga 4* diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

*Jadual Pertama* diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

*Jadual Kedua* diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

### RANG UNDANG-UNDANG SURUHANJAYA PILIHANRAYA (PINDAAN)

**Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

*5.46 ptg.*

**Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf:**

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya bangun di dalam Dewan yang mulia ini dan saya mohon mencadangkan bahawa Rang Undang-undang bernama "Suatu Akta untuk meminda Akta Suruhanjaya Pilihanraya 1957" dibaca kali yang kedua sekarang.

Rang Undang-undang ini bertujuan meminda seksyen-kecil (1) seksyen 2 dengan mengganti jadual yang ada dengan dua jadual baharu iaitu Jadual Pertama dan Jadual Kedua. Seperti juga dalam Rang Undang-undang Suruhanjaya Perkhidmatan (Pindaan) 1979 yang baharu diluluskan sebentar tadi, Jadual Pertama hanya mengandungi perkara-perkara gaji, elaun tetap dan elaun bantuan gaji drebar yang baru. Jadual Kedua mengandungi semua kemudahan-kemudahan lain.

Rang Undang-undang ini juga bertujuan mengadakan seksyen baru iaitu seksyen 12. Seksyen 12 ini memperuntukkan kuasa

membuat peraturan kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Apa-apa pindaan kepada Jadual Kedua boleh dibuat dengan peraturan.

Tuan Yang di-Pertua, asas-asas dan sebab-sebab Kerajaan memberikan gaji baru kepada Ahli-ahli Suruhanjaya Perkhidmatan telah saya terangkan sebentar tadi ketika mengemukakan Rang Undang-undang Suruhanjaya Perkhidmatan (Pindaan) 1979. Asas-asas dan hujah-hujahnya adalah sama dan saya rasa tidak perlu saya ulangi lagi. Seperti Ahli-ahli Yang Berhormat dapat perhatian di dalam Jadual Pertama, gaji bagi Pengerusi dan elaun tetap Ahli adalah sama dengan lain-lain Suruhanjaya kecuali Suruhanjaya Perkhidmatan Awam yang lebih sedikit. Kesimpulannya, selain daripada Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, lain-lain Suruhanjaya Perkhidmatan dan juga Suruhanjaya Pilihanraya mendapat gaji, elaun tetap yang sama dan diselaraskan. Kemudahan-kemudahan lain di Jadual Kedua juga adalah sama bagi semua Suruhanjaya Perkhidmatan termasuklah juga perkhidmatan Suruhanjaya Pilihanraya.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Dato' Haji Ibrahim bin Haji Yaacob:**

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang yang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Suruhanjaya Pilihanraya 1957 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

*5.48 ptg.*

**Datuk Haji Ahmad bin Arshad:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Rang Undang-undang yang ada di hadapan kita ini dan ini barangkali penamatan mesyuarat penggal ini.

Apa yang saya hendak sentuh, Tuan Yang di-Pertua, hanya sedikit sahaja kenapa kenaikan yang diberikan kepada Suruhanjaya Pilihanraya ini seperti kata Yang Berhormat Menteri tadi sama keadaannya dengan Suruhanjaya-suruhanjaya Perkhidmatan Awam. Saya sokong kenaikan ini. Tetapi

ada satu masalah barangkali Kerajaan terlupa, kenapa tidak diberi jawatan Timbalan Pengerusi, hanya jawatan Pengerusi. Kemudian kalau Pengerusi itu tidak dapat menjalankan khidmatnya, kena pula memilih seorang daripada ahli-ahlinya menjadi pemangku. Saya fikir dalam Suruhanjaya Pilihanraya ini layak kita tetapkan jawatan Timbalan Pengerusi. Sebab tugas-tugas dalam hal Suruhanjaya Pilihanraya ini begitu berat di seluruh negara terutama sekali kalau satu masa kelak kita akan mengadakan pilihanraya tempatan. Pada masa sekarang kita tidak adakan.

Yang kedua, dalam masalah membetulkan pemilihan pengundi-pengundi. Saya mencadangkan supaya dapat difikirkan semula jawatan Timbalan Pengerusi itu supaya diadakan.

Yang kedua, dalam masalah elaun hidup diberi sebanyak \$20 sehari, jadi menurut hemah saya, elaun ini pun rendah terutama sekali kerana pegawai ini pergi bertugas di luar kawasan. Kalaulah tempoh lebih daripada 24 jam dia dapat \$20 tetapi kalau dia pergi ke kawasan luar-luar, tentu menggunakan belanja yang besar, jadi ada lebih baik kita timbangkan semula supaya dapat sesuai dengan keadaan masa dan keadaan tempat yang diberi umpamanya kita beri \$50 sehari apa salahnya.

Itulah sahaja, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong.

5.51 ptg.

**Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak:** Tuan Yang di-Pertua, saya turut menyokong Rang Undang-undang ini oleh kerana saya fikir Pengerusi Suruhanjaya Pilihanraya ini adalah penting, sebabnya dalam pilihanraya dia bekerja cukup kuat dan segala kesalahan-kesalahan pilihanraya yang akan dibuat oleh parti-parti yang berkenaan dia terpaksa menengokkan sama ada parti-parti pembangkang atau pemerintah. Maka kerja ini bukanlah kerja senang dengan sebab itu gajinya mestinya tinggi, oleh kerana pekerjaan ini ialah satu kerja yang boleh dikatakan terpaksa tekun dan tiap-tiap tahun terpaksa membetulkan daftar pemilihan pengundi-pengundi. Kerja ini memakan masa yang panjang dan cukup rumit. Dengan sebab itu, saya menyokong gaji yang didapati oleh Pengerusi tadi.

Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Datuk Haji Ahmad Arshad mengatakan bertugas di luar kawasan selama tempoh lebih daripada 24 jam diberi elaun \$20 dan bertugas di luar kawasan selama tempoh lebih daripada 8 jam tetapi tidak lebih daripada 20 jam diberi elaun \$10. Jadi saya hendak bertanya, hotel kita boleh dapat \$20? Hotel Batu Road, Chow Kit Road pun tidak boleh dapat \$20. Jadi kalau dengan \$20 apa yang hendak dimakan, mereka ini bertugas dan takkanlah terpaksa mengeluarkan wang daripada poket sendiri—tentu tidak. Jadi ia terpaksa mencari hotel yang lebih hodoh daripada hotel di Batu Road ataupun tinggal dua orang satu bilik, itu sahaja yang boleh dibuat.

Begitu juga kalau bertugas di luar kawasan selama tempoh lebih daripada 8 jam diberi elaun \$10 tetapi kalau hendak makan di hotel yang baik-baik sedikit tak usah yang first class seperti Five Star Hotel. Orang yang bertugas ini adalah orang yang berpangkat, yang boleh membuat kerja, orang yang special, takkanlah Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong hendak memilih orang yang macam kita ini, tentu orang yang betul-betul layak, betul-betul elok, tidak boleh minum di warong, tidak boleh makan rojak di tepi jalan. Dengan sebab itu, kalau elaun \$10 apa yang hendak dibelanjakan, misalnya minum Cocacola di hotel harganya \$1.50 makanan apa yang dapat diberi, kalau snack pun tidak boleh dapat. Dalam masa 8 jam hendak makan dua kali: sekali makan tengahari dan satu kali lagi makan petang (light lunch). Dengan wang \$10 ini sedikit sangat, kalau 8 tahun dahulu atau 10 tahun dahulu \$10 itu memang kita akur, tetapi \$10 pada hari ini \$2 dahulu, jadi kalau \$2 dahulu apa yang hendak dimakan dengan sebab itu . . . . .

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Yang Berhormat sila tengok di bawah sedikit iaitu Elaun Penginapan.

**Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak:** Tetapi kalau ada Elaun Penginapan itu pun tidak cukup juga, tetapi yang saya katakan ini ialah makan \$10.

Tuan Yang di-Pertua, tentu selalu makan di hotel. Kalau dengan \$10 apa yang hendak dimakan, coklet, biskut? Jadi diharap dapatlah Kementerian yang bertanggungjawab

menimbangkan, jangan letakkan \$10 atau \$24 bukan boleh letak-letak tetapi hendaklah kita lihat sara hidup pada hari ini bagaimana, bagaimana hotel-hotel pada hari ini, misalnya kalau tinggal di Five Star Hotel sekurang-kurangnya \$100 satu bilik yang sederhana, jadi bagaimana keadaan mereka ini. Dengan sebab itu, saya menyokong di samping saya menegor sedikit.

5.57 ptg.

**Tan Sri Datuk Haji Abdul Razak bin Haji Husain:** Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Bil ini tetapi dalam pada itu ada dua tiga perkara yang saya minta pandangan Kerajaan.

Pertama, pada tahun 1982 iaitu mengikut peruntukan Perlembagaan, satu kajian akan dibuat oleh Pengerusi Suruhanjaya Pilihanraya kerana menentukan atau menambah kawasan-kawasan pilihanraya. Jadi tahun ini (1979) dan akan masuk ke tahun 1980 bermakna dalam tempoh 2 tahun lagi Suruhanjaya Pilihanraya tentulah akan mengkaji pembahagian-pembahagian kawasan, sebab ini mengikut peruntukan Perlembagaan di antara 8-10 tahun mestilah Suruhanjaya Pilihanraya mengkaji kedudukan kawasan-kawasan pilihanraya di negara kita.

Saya menyarankan dalam Majlis ini supaya perkara itu perlu juga mendapat pandangan bukan sahaja daripada orang awam, tetapi juga pandangan-pandangan daripada parti-parti politik bagaimana mengelokkan sesuatu kawasan pilihanraya itu dapat dibuat dari semasa ke semasa.

Tuan Yang di-Pertua, kadangkala seorang wakil rakyat sama ada Parlimen, ataupun Negeri, ada kalanya kawasan pilihannya kecil tetapi manusia yang menjadi pengundinya ramai. Dan kadangkala kawasannya luas dengan kemudahan serba-serbi terdapat kepayahan di kawasannya, kerana kadangkala kawasannya melompat pula ke satu kawasan pilihanraya yang lain, terutama kawasan Pilihanraya Negeri. Jadi seorang Wakil Rakyat lazimnya sekarang ini mesti menghadiri sekurang-kurangnya tiga Majlis Tindakan Daerah kerana menjalankan tugasnya sebagai Wakil Rakyat. Ini adalah satu perkara yang saya mohon pada Kerajaan supaya pihak Suruhanjaya Pilihanraya

ini mengkaji untuk memberi kemudahan, dengan kemudahan ini dapatlah dia menumpukan sepenuh tenaga khidmatnya kepada rakyat dan kepada negara, hendaknya janganlah ada kawasan pilihanraya itu melompat dan ditengka oleh kawasan lain, kemudian baru ada kawasannya. Ini ada dalam setengah-setengah negeri, biarlah tidak payah saya contohkan, sebab tentulah pihak Suruhanjaya Pilihanraya ini lebih arif dan mengetahui masalah ini.

Saya merayu lagi sekali supaya perkara ini dapat dirundingkan bagaimana Kerajaan kita dapat mengambil fikiran apabila kita hendak mengutuk, mengenakan perbelanjaan negara walaupun Suruhanjaya ini Suruhanjaya bebas yang dia terlindung oleh Perlembagaan Negara kita tetapi apa salahnya mengambil pandangan daripada pegawai-pegawai dalam sesebuah kawasan atau parti-parti politik yang difikirkan patut dan مناسب. Pandangan ini perlu difikirkan oleh Suruhanjaya Pilihanraya yang 4 orang itu, seorang Pengerusi dan 3 orang ahli, kalau sekiranya mereka dapat mendengar gambaran yang diberi ini, bererti menolong Suruhanjaya Pilihanraya itu sendiri, menimbangkan dengan penuh teliti.

Tuan Yang di-Pertua, yang keduanya saya suka hendak menyarankan kepada Kerajaan iaitu pembayaran deposit pilihanraya, baik untuk Pilihanraya Negeri mahupun Persekutuan. Pada hari ini seseorang calon hendak mengambil calon Pilihanraya Negeri terpaksa memperuntukkan sebanyak \$500 sahaja dan kalau dia hendak bertanding kawasan Parlimen terpaksa membayar depositnya \$1,000. Saya mohon kepada Kerajaan supaya angka ini dinaikkan, iaitu Parlimen \$2,000 dan Negeri \$1,000. Deposit Negeri \$1,000 dan Parlimen \$2,000 kerana pada hari ini nilai \$500 itu sudah tidak banyak bila kita bandingkan 10 atau 15 tahun dahulu. Kadang-kadang masuk pilihanraya itu bukan tujuannya dengan niat hendak berkhidmat kepada negeri atau negara tetapi semata-mata atau kadangkala-kalanya "kacau daun sahaja". Kalau keadaan ini berlaku dalam negara kita langkah-langkah kita hendak mengadakan pilihanraya itu tidak menuju kepada matlamat asal. Jalannya ialah hanya kita naikkan cagaran atau deposit pilihanraya itu daripada yang ada sekarang ini kepada satu angka yang lebih مناسب. Jikalau angka yang

saya sebut itu tidak menasabah barangkali Kerajaan mempunyai angka yang lebih baik, itu terpulanglah kepada Kerajaan. Saya harap Suruhanjaya Pilihanraya ini dapat menimbang bagi menaikan deposit masuk dalam mana-mana pilihanraya, baik Negeri mahupun Persekutuan.

Ketiga, Tuan Yang di-Pertua, saya ber-simpati dengan pandangan sahabat saya tadi bahawa Suruhanjaya Perkhidmatan Pilihanraya ini cuma ada mempunyai Pengerusi tetapi tidak ada Timbalan Pengerusi tetapi ini terpaksa Kerajaan memikirkan semula. Saya bersetuju tetapi oleh sebab ianya dilindungi dengan kehendak-kehendak Perlembagaan Perkara 114, bahawa cuma Pengerusi dengan 3 ahli sahaja boleh dibenarkan menjadi ahli Suruhanjaya Pilihanraya. Maka saya menyarankan kepada Kerajaan supaya membawa kepada Dewan ini meminda Perlembagaan yang berkait dengan Perkara 114, itu membolehkan Timbalan Pengerusi dan ditambah 1-2 orang lagi ahli menjadi 5 sebagai Ahli Suruhanjaya Pilihanraya ini. Kalau sekiranya Kerajaan tidak bersedia hendak membawa maknanya cakap di dalam Dewan ini atau di Dewan Rakyat sana sepertilah anjing menyalak bukit kerana ini ada berhubung dengan kehendak-kehendak Perlembagaan.

Perkara 114—Keanggotaan Suruhanjaya Pilihanraya, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, “Suruhanjaya Pilihanraya hendaklah dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong selepas berunding dengan Majlis Raja-raja, dan hendaklah mengandungi seorang Pengerusi dan 3 orang ahli lain”. Saya setuju dengan pendapat sahabat saya banyak kesulitannya, lebih-lebih lagi negeri kita sekarang ini mengamalkan sistem pilihanraya tiap-tiap 5 tahun sekali dan mungkin pada masa akan datang ini ada ahli-ahli yang mengikut prinsip demokrasi, dia tidak puas hati dia meletakkan jawatan dan kekosongan kawasan yang dipiluhnya tetapi ahli tidak cukup dan ahlinya tidak merupakan sebahagian besar semua sekali meliputi Sabah dan Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, inilah harapan saya 3 perkara dalam saya menyokong Bil ini. Akhirnya saya cuma hendak meminta pandangan Kerajaan. Pengerusi dan Ahli Suruhanjaya Perkhidmatan Pilihanraya ini tidak macam yang dahulu mereka

boleh dapat \$75 sehari, sekurang-kurangnya mesti juga hari yang mereka menghadiri di mana pengundian itu patut diberi. Masalah menyokong duit keluar ini memang saya sokong dan saya akan menyokong Kerajaan lagi kalau sekiranya Dewan ini meluluskan elaun Dewan Negara atau Dewan Rakyat lagi saya sokong. Jadi supaya setimpal lain-lain bentuk Suruhanjaya Pilihanraya ini saya minta bagi pandangan Kerajaan supaya perkara itu dihidupkan semula di dalam Suruhanjaya Pilihanraya ini. Sekian, saya menyokong Bil ini diluluskan.

6.08 ptg.

**Tuan Haji Mahmoud Salim bin Haji Mohamad:** Tuan Yang di-Pertua, saya cuma hendak bercakap sedikit sahaja oleh kerana masa terhad.

Tadi ada juga cadangan hendak mengesyorkan supaya diadakan Timbalan Pengerusi tetapi oleh kerana perkara ini bergantung kepada Perlembagaan maka tentulah tidak dapat. Telah ditetapkan di dalam Perlembagaan, Suruhanjaya Pilihanraya ini hanyalah seorang Pengerusi sahaja dengan 3 orang ahli. Maka selagi Perlembagaan itu tidak dipinda, maka selama itulah undang-undang tidaklah boleh dibuat selain daripada apa yang tercatat di dalam Perlembagaan.

Yang saya hendak merayu ini adalah berkenaan dengan ahli, sama ada Ahli Suruhanjaya Pilihanraya ataupun Ahli Suruhanjaya yang lain. Pengerusi itu dibayar gaji tetapi ahli-ahlinya semua mendapat elaun sahaja. Sungguhpun begitu segala kemudahan yang lain adalah diberi kepada ahli-ahli itu sama seperti pegawai-pegawai Kerajaan, iaitu diberi kepadanya bayaran elaun hidup, elaun penginapan, elaun batu dan kemudahan-kemudahan perubatan seperti yang lainnya. Maknanya tak ada beza dengan pegawai Kerajaan cuma ahlinya dibayar elaun.

Jadi sekarang ini, Tuan Yang di-Pertua, seumpama Ahli-ahli Dewan, kita katalah sama ada Dewan Undangan Negeri ataupun Dewan Parlimen, pada masa dahulu dibayar elaun sahaja tidak dijadikan gaji, tetapi pada saat-saat yang akhir ini elaun mereka dijadikan gaji. Maka bezanya elaun dengan gaji ini, orang yang ada gaji itu dia boleh pencen kalau dia berhenti. Kepada ahli-ahli yang mendapat elaun ini sahaja walaupun

sepuluh atau dua puluh tahun dia bekerja pun mereka tidak dapat pencen. Ini adalah satu perkara yang saya fikir tidak berapa adil terhadap mereka. Boleh jadi Ahli Suruhanjaya ini bekerja lebih daripada sepuluh tahun, tetapi oleh kerana dia diberi elaun memang dia kalau berhenti pun tidak dapat pencen. Apa salahnya dia dijadikan seperti Ahli Dewan. Maknanya dahulu dia dapat elaun tetapi sekarang diberi gaji kepada mereka. Ahli Dewan sendiripun ada orang-orang yang tidak sampai sembilan tahun berkhidmat di sini, seperti Ahli Dewan Negara, kalau dia berkhidmat enam tahun sahaja dia berhenti, maka dia tidak dapat pencen, tetapi kalau dia berkhidmat sampai sembilan tahun dia dapat pencen, tetapi Ahli Suruhanjaya ini kalau dia berkhidmat sembilan tahun pun dia tidak dapat pencen kerana dia dapat elaun. Sebab itulah saya merayu, kalau boleh Ahli-ahli Suruhanjaya yang seumpama ini memang penting, janganlah Pengerusinya sahaja dibayar gaji, tetapi ahli-ahlinya juga dibayar gaji sama seperti Pengerusinya supaya membolehkan mereka itu apakala berhenti kelak mendapat pencen.

Begitulah juga berkenaan dengan Undang-undang Suruhanjaya Perkhidmatan yang diluluskan sekejap tadi. Berkenaan dengan gaji-gaji Pengerusinya itu patut diselaraskan, begitu juga jawatan-jawatan itu tidak usahlah yang ini ada Timbalannya, yang itu tidak ada, itu patut diselaraskan juga.

Sekianlah pandangan saya, Tuan Yang di-Pertua.

6.12 ptg.

**Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf:** Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi izinkan saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat.

Ahli Yang Berhormat Datuk Haji Ahmad telah menimbulkan berkaitan dengan Timbalan Pengerusi Suruhanjaya Pilihanraya, seperti yang kita tahu iaitu kerana ini tidak ada di dalam Perlembagaan, maka masalah ini tidaklah timbul. Walau bagaimanapun, Kerajaan akan mengambil perhatian mengenai dengan komen-komen yang telah disampaikan di Dewan pada petang ini.

Mengenai dengan elaun kecil yang ditimbulkan oleh beberapa Ahli Yang Berhormat tadi yang \$20 itu dan seterusnya, saya rasa ini tidaklah perlu kita bimbang

sangat kerana di dalam Akta ini, Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong telah diberi kuasa untuk meminda Peraturan-peraturan Jadual Kedua ini iaitu apabila sampai pada masanya dan kena pada masanya difikirkan yang ini perlu ditambahkan, maka ini bolehlah dibuatkan secara peraturan atau by regulations. Walau bagaimanapun, ingin saya menerangkan elaun-elaun ini diselaraskan dengan elaun-elaun yang diberikan kepada perkhidmatan-perkhidmatan Kerajaan yang lain.

Yang Berhormat Tan Sri Datuk Haji Abdul Razak telah menimbulkan mengenai kawasan pilihanraya iaitu sama ada pihak-pihak parti politik boleh diberi peluang untuk membincangkan bersama dan juga mengenai dengan deposit pilihanraya, kata beliau adalah rendah, dalam hubungan ini mengenai dengan mengkaji semula kawasan-kawasan pilihanraya, ini adalah dijalankan lapan hingga sepuluh tahun sekali dan ini akan dijalankan apabila sampai masanya nanti dan Kerajaan akan mengambil tindakan-tindakan yang difikirkan perlu bersesuaian apabila sudah sampai masanya nanti.

Mengenai dengan deposit pilihanraya, inipun adalah dahulunya memang rendah tetapi kali ini sudah dinaikkan dan di masa hadapan apabila kajian semula dijalankan mengenai dengan perkara-perkara yang berkaitan dengan pilihanraya ini, inipun boleh dikaji semula nanti.

Yang Berhormat Tuan Haji Mahmoud Salim telah menimbulkan mengenai dengan perkara elaun dan gaji yang diberikan kepada Suruhanjaya Pilihanraya ini di mana beliau berpendapat seharusnya ahli-ahli itu diberi gaji bukan elaun supaya mendapat pencen. Ini Kerajaan akan mengkajikan, tetapi ada perbezaannya biasanya yang mendapat gaji itu adalah merupakan orang yang bekerja tetap, sedangkan elaun itu ialah merupakan memberi kebebasan untuk tidak sentiasa duduk di pejabat. Walau bagaimanapun, seperti saya katakan tadi kita akan ambil perhatian mengenai dengan perkara-perkara yang ditimbulkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat itu.

**Tan Sri Datuk Haji Abdul Razak bin Haji Husain:** Untuk penjelasan. Oleh sebab Sarawak akan mengadakan pilihanraya pada

bulan September, bolehkah Yang Berhormat Menteri menyampaikan kepada Pengerusi Suruhanjaya Pilihanraya supaya menaikkan deposit pilihanraya di kawasan Sarawak pada bulan September akan datang ini?

**Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf:** Tuan Yang di-Pertua, mengenai dengan tambah ini, saya rasa ini mungkin terlalu singkat kerana ini adalah mengambil masa bagi kita untuk mengkaji keseluruhannya mengenai dengan deposit pilihanraya ini.

Ada juga pendapat yang mengatakan kalau terlalu tinggi mungkin kita tidak memberi peluang kepada orang-orang yang miskin untuk mengambil bahagian dalam pilihanraya. Mungkin ini adalah pendapat sahaja, masing-masing mempunyai pendapat, tetapi walau bagaimanapun yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat tadi mengenai dengan pilihanraya Sarawak itu, saya rasa ini mungkin sudah terlambat kerana masanya tidak lama lagi, mungkin perkara ini belumlah dapat ditimbang lagi.

Satu perkara lagi yang barangkali saya tersalah cakap tadi iaitu mengenai dengan gaji dan elaun Suruhanjaya Pilihanraya ini dikatakan kena sama dengan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam. Yang sebenarnya semua suruhanjaya-suruhanjaya, gaji dan elaunnya adalah sama termasuk Suruhanjaya Pilihanraya kecuali Suruhanjaya Per-

khidmatan Awam yang mana ini kita lebih memandang kepada sebab-sebab yang saya terangkan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, sekianlah sahaja dan terima kasih.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

*Fasal 1 hingga 4* diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

*Jadual Pertama dan Kedua* diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat ditangguhkan sekarang kepada satu tarikh yang tidak ditetapkan.

*Mesyuarat ditangguhkan pada pukul 6.20 petang.*